

KOLEKSI ARTIKEL TAFSIR

SIRI 3

جاہلۃ کما جواز استلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

© **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

www.islam.gov.my

Cetakan Pertama... 2009

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Koleksi artikel tafsir kalamullah. Siri 3

ISBN 978-983-042-419-4

1. Religious life–Islam–Koranic teaching. 2. Islam–Customs and practices.
297.57

Konsep & Reka Bentuk:

Matang Cipta Sdn. Bhd. (No. 244386-D)

Telefax: 603-2694 8692

E-mail: matangcipta@yahoo.com

KANDUNGAN

1

AKIDAH

Allah SWT Maha Berkuasa	1
Allah SWT Tiada Kekurangan	3
Allah SWT Tuhan Semesta Alam	5
Al-Quran Bukan Bait-bait Syair	7
Al-Quran Dipelihara Allah	9
Amalan Orang Kafir Sia-sia di Akhirat	11
Awasi Godaan dan Hasutan Syaitan	13
Balasan Beriman dan Beramal Kebajikan	15
Beriman kepada Kitab-kitab Allah	17
Cinta Abadi	19
Dilarang Menyekutukan Allah SWT	21
Gambaran Hari Kiamat	23
Ganjaran Keimanan	24
Ganjaran Syurga	26
Ganjaran Syurga untuk Ahli Jihad	28
Hamba yang Dimurkai Allah	30
Jangan Nafikan Kebenaran	31

Janji Allah	33
Jauhi Dosa Besar dan Nikmatilah Janji Allah	35
Kebenaran Kerasulan Nabi Muhammad SAW	37
Keimanan yang Mantap Bawa Kejayaan	39
Kematian adalah Ketentuan Allah SWT	41
Komited dengan Dasar Akidah	43
Nabi Muhammad Utusan Allah	45
Orang Musyrik dalam Kerugian	47
Penentuan Keimanan	49
Perbuatan Baik Dibalas Baik	51
Persamaan Golongan Musyrikin dan Munafiq	53
Petunjuk Sepanjang Zaman	55
Rugikah Beriman?	57
Sembah Selain Allah adalah Palsu	59
Seruan Dakwah Nabi-nabi Sama	61
Sesat Sesudah Hidayah	63
Tanda Hari Kiamat	65
Terkorban Mempertahankan Agama sebagai Syuhada	67
Tiada Paksaan dalam Beragama	69
Tiada yang Dapat Menandingi Allah SWT	71
Tubuh Badan Menjadi Saksi	73
Umat Islam Sebaik-baik Umat	75

2

IBADAH

Akal dan Hati	77
Basmi Riba dan Suburkan Sedekah	79
Berniaga ketika Menunaikan Haji	81
Galakan Bersedekah	83
Galakan Melakukan Amal Kebajikan	85
Hijrah	87
Ikhlas dalam Bersedekah	89
Jangan Lupa Ingatan dan Amaran Allah	91

Jangan Tamak Harta	93
Keutamaan Memakmurkan Masjid	94
Kewajipan Melaksanakan Perjanjian	96
Kewajipan Menyucikan Diri	98
Memakmurkan Masjid	100
Membanteras Penindasan	102
Menambah Ilmu dengan Bertanya	104
Rezeki adalah Kurniaan Allah	106
Rosak Amalan Sedekah kerana Tidak Ikhlas	108
Sedekah dan Kemaafan	110
Sembahlah Allah dan Jauhi Sifat Sombong	111
Tanggungjawab Suami Isteri	113
Untung yang Rugi	115

3

AKHLAK

Adab Memberi dan Menjawab Salam	117
Akibat Tidak Mensyukuri Nikmat Allah	119
Anak Suatu Anugerah Allah SWT	121
Bekerjasama dalam Urusan Dakwah	123
Elakkan Hati Menjadi Keras	125
Ganjaran atas Setiap Amalan	127
Gembira dengan Kesusahan Orang Bukan Sifat Orang Beriman	129
Hasad Dengki Membawa Pembunuhan	131
Hindari Sifat Khianat	133
Islam Agama Perdamaian	135
Islam Memuliakan Kaum Hawa	137
Islam Tidak Membebankan	139
Jadilah Orang yang Menegakkan Keadilan	141
Jangan Tertipu dengan Kehidupan Dunia	143
Kecuaian Boleh Membawa Kehancuran	145
Keindahan Sabar	147

Kepentingan Sifat Adil dalam Kehidupan	148
Kewajipan Berdakwah dan Mempertahankan Kebenaran	150
Larangan Mencela dan Mengeji	152
Membina Modal Insan	154
Melakukan Dosa Mengundang Kebinasaan	156
Memberi Kemaafan	158
Mengharap Pertolongan Allah SWT	160
Menyerahkan Amanah kepada yang Berhak	162
Merendah Diri kepada Rakyat	164
Mesyuarat Dapat Menghasilkan Keputusan yang Tepat	165
Mukmin Sejati	167
Rahmat Allah untuk Hamba-Nya yang Menjauhi Perkara Sia-sia	169
Semaikan Sifat Takwa dalam Diri	171
Semangat Pejuang	173
Takdir Allah Harus Disyukuri	175
Taqarrub kepada Allah Faktor Utama Kejayaan	177
Tipu Daya Syaitan Membawa Kebinasaan	179
Usah Menambah Dosa Sedia Ada	181

4

SIRAH

Bani Israel Umat Terpilih?	183
Berpegang kepada Tradisi	185
Iktibar Peristiwa Pembunuhan Habil	187
Pengajaran daripada Peristiwa Umat Terdahulu	189
Perjanjian Bani Israel	191
Permusuhan Kaum Yahudi terhadap Umat Islam	193

ALLAH SWT MAHA BERKUASA

Firman Allah SWT :

فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ

Maksudnya: “Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendaki-Nya.”

(al-Buruj: 16)

HURAIAN

Allah SWT memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang menggambarkan keagungan dan kehebatan-Nya sebagai Pencipta Alam. Allah bebas bertindak mengikut apa yang dikehendaki-Nya. Sifat-sifat Allah SWT kekal buat selama-lamanya.

Allah SWT berkuasa melakukan sesuatu perkara mengikut iradat-Nya walaupun tidak dipersetujui manusia. Umpamanya, Allah SWT berkuasa membinasakan orang-orang yang melakukan kezaliman semasa mereka berada di dunia lagi. Allah SWT juga berkuasa menangguhkan balasan tersebut sehingga tiba hari kiamat.

Kekuasaan dan keagungan Allah SWT tidak boleh dicabar oleh manusia. Firman Allah dalam surah Yasin ayat 82 yang bermaksud:

“Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu hanyalah Dia berfirman kepada (hakikat) benda itu: ‘Jadilah engkau’, maka ia terus menjadi.”

KESIMPULAN

Allah SWT bertindak secara bebas mengikut kehendak-Nya. Manusia dikehendaki menerima segala tindakan tersebut dengan dada terbuka sebagai ujian dan takdir daripada-Nya.

ALLAH SWT TIADA KEKURANGAN

Firman Allah SWT:

سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى

Maksudnya: *“Bertasbihlah mensucikan nama Tuhanmu yang Maha Tinggi (daripada segala sifat kekurangan). Yang telah menciptakan (sekalian makhluk-Nya) serta menyempurnakan kejadiannya dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaan-Nya.”*

(al-A’la: 1-2)

HURAIAN

Allah memerintahkan Nabi Muhammad SAW dan umat Islam memuji dan membesarkan nama Allah yang Maha Tinggi yang terhindar daripada sifat kekurangan. Allah SWT Maha Berkuasa, Maha Mencipta dan Maha Bijaksana dalam mengatur kejadian makhluk-makhluk-Nya dengan begitu sempurna serta teratur tanpa sebarang kekurangan. Contoh terdekat ialah kejadian manusia itu sendiri. Allah telah menjadikan manusia sebaik-baik makhluk seperti firman Allah SWT dalam surah at-Tin ayat 4 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”

Keindahan fenomena alam seperti pertukaran siang dan malam, tumbuh-tumbuhan, haiwan-haiwan, lautan yang begitu indah kejadiannya. Setiap kejadian yang Allah ciptakan ada fungsi dan keistimewaannya tersendiri. Allah SWT menganugerahkan

akal fikiran kepada manusia supaya dapat memikirkan hal tersebut. Dengan memerhatikan kejadian alam ini manusia akan dapat merasai kewujudan Pencipta dan kekuasaan-Nya. Dengan perasaan inilah mampu memantapkan lagi keimanan kita kepada Allah SWT. Sebagai seorang Muslim, Kita hendaklah bersyukur atas pemberian dan nikmat yang dikurniakan-Nya dengan sentiasa berzikir dan bertasbih kepada Allah.

KESIMPULAN

Allah telah mencipta segala isi bumi dan alam raya ini tanpa sebarang kekurangan. Menjadi kewajipan kepada manusia untuk bersyukur dan sentiasa bertasbih atau berzikir kepadanya-Nya.

ALLAH SWT TUHAN SEMESTA ALAM

Firman Allah SWT:

قُلْ أَتُحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَا أَعْمَلُنَا
وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ ﴿١٣٩﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad): “Patutkah kamu (hai kaum Yahudi dan Nasrani) membuat bantahan terhadap kami mengenai pilihan Allah dan pengurniaan-Nya? Padahal Dialah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami (faedah) amal kami dan bagi kamu pula (faedah) amal kamu (kalau diikhhlaskan), dan kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepada-Nya.”*

(al-Baqarah: 139)

HURAIAN

Orang-orang Yahudi berhujah kepada kaum Muslimin dengan pelbagai alasan. Mereka mengatakan semua nabi yang diutus adalah dari kalangan mereka. Agama mereka adalah yang paling awal, kitab mereka adalah yang paling utama antara kitab-kitab samawi. Mereka juga mendakwa bahawa bangsa mereka adalah lebih tinggi daripada yang lain. Kadang-kadang mereka mengaku sebagai anak-anak Allah SWT dan bahawa syurga hanyalah untuk mereka, bukan untuk bangsa lain.

Al-Quran membantah keseluruhan ucapan mereka (orang-orang Yahudi). Allah SWT bukan Tuhan suatu bangsa atau kabilah tertentu. Dia adalah Tuhan semesta alam.

Ketahuilah pula bahawa tiada perbezaan antara seseorang dengan orang lain kecuali kerana amalan mereka. Setiap orang

berbeza dengan amalannya. Orang yang berada di negeri yang dekat dengan kebangkitan Rasulullah SAW tidak memberi sebarang erti sekiranya mereka tidak mengamalkan apa-apa yang diajar oleh Rasulullah.

KESIMPULAN

Manusia hidup berdasarkan pada amalan mereka yang baik, ikhlas, bersikap terbuka terhadap kebenaran dan bukan bersandar kepada kenangan-kenangan sejarah silam. Manusia harus meningkatkan kualiti diri, berubah ke arah kebaikan dan bersedia mempertimbangkan nasihat dan pandangan daripada orang lain demi kebaikan.

AL-QURAN BUKAN BAIT-BAIT SYAIR

Firman Allah SWT:

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: *“(Nabi Muhammad bukanlah penyair) dan kami tidak mengajarkan syair kepadanya dan kepandaian bersyair itu pula tidak sesuai baginya. Yang kami wahyukan kepadanya ini tidak lain melainkan nasihat pengajaran dan kitab suci yang memberi penerangan.*

(Yasin: 69)

HURAIAN

Menerusi ayat ini Allah SWT menafikan dengan tegas bahawa Rasulullah SAW diajar syair. Jika Allah tidak mengajarnya, maka sudah tentu baginda tidak akan tahu, kerana seseorang rasul itu tidak mengetahui sesuatu melainkan apa yang diajarkan Allah kepadanya. Allah turut menafikan kesesuaian syair dengan Rasulullah SAW.

Syair mempunyai metodologi yang berlainan daripada nubuwah. Syair mengandungi perasaan keharuan(emosi) sedangkan perasaan itu berubah-ubah dari satu keadaan kepada satu keadaan. Sebaliknya nubuwah merupakan wahyu yang berlandaskan metodologi yang tetap dan jalan yang lurus. Ia tidak berubah-ubah mengikut hawa nafsu berbanding syair yang sifatnya sentiasa berubah berlandaskan pelbagai cetusan emosi.

KESIMPULAN

Al-Quran bukanlah bait-bait syair bahkan merupakan wahyu Allah kepada Nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad SAW

bukanlah seorang penyair. Dakwaan kaum Musyrikin yang menyifatkan Nabi SAW sebagai seorang penyair adalah tuduhan yang tidak berasas kerana sejarah membuktikan bahawa kaum musyrikin (manusia) tidak mampu menyusun atau membawa ayat-ayat yang sebanding dengannya.

AL-QURAN DIPELIHARA ALLAH

Firman Allah SWT:

سَنُقَرِّكَ فَلَا تَنْسَى ۝١ إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّهُ يَعْلَمُ الْجَهْرَ
وَمَا يَخْفَى ۝٢

Maksudnya: “Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibril), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa. Kecuali apa yang dikehendaki Allah engkau lupakan. Sesungguhnya Dia mengetahui (segala keadaan yang patut berlaku), yang nyata dan yang tersembunyi.”

(al-A’la: 6-7)

HURAIAN

Umat Islam hendaklah menyedari bahawa al-Quran adalah panduan utama untuk dijadikan rujukan dalam kehidupan ini. Al-Quran itu sentiasa terpelihara keselamatannya daripada sebarang perubahan sehingga Hari Kiamat.

Al-Quran itu datang daripada Allah, dan Allahlah yang menjaga dan memeliharanya daripada sebarang bentuk penyelewengan. Firman Allah dalam surah Yunus ayat 37 yang bermaksud:

“Dan bukanlah al-Quran ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain daripada Allah; tetapi al-Quran itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu-

persatu hukum syarak yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada syak dan ragu-ragu pada al-Quran itu tentang datangnya daripada Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.”

KESIMPULAN

Al-Quran akan sentiasa dijamin oleh Allah SWT daripada sebarang bentuk penyelewengan dan akan kekal untuk selama-lamanya sehingga Hari Kiamat sebagai panduan serta rujukan umat Islam.

AMALAN ORANG KAFIR MENJADI SIA-SIA DI AKHIRAT

Firman Allah SWT:

مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا
صِرَاطٌ صَابَتْ حَرَّتٌ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ فَأَهْلَكَتَهُ وَمَا
ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ أَنْفُسُهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١١٧﴾

Maksudnya: “Bandingan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini (sekalipun untuk amal-amal yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, yang menimpa tanaman kaum yang menganiaya diri mereka sendiri, lalu membinasakannya, dan (ingatlah) Allah SWT tidak menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.”

(Ali-Imran: 117)

HURAIAN

Allah SWT menjelaskan tentang kesudahan amalan yang dilakukan oleh orang kafir pada hari kiamat, mereka ini terdiri daripada golongan Yahudi, munafik dan Musyrik. Walaupun mereka bangga dengan kekayaan dan kemewahan yang dimiliki di dunia, dan membelanjakan harta tersebut untuk amalan-amalan kebajikan untuk mendapat keridaan Allah SWT tetapi kerana kepentingan dunia menjadikan mereka riyak hingga akhirnya kedudukan dan kekayaan itu dibelanjakan untuk menentang Islam. Oleh itu segala yang dibelanjakan itu diumpamakan seperti angin sejuk yang menimpa tanaman lalu memusnahkannya dan pemiliknya akan rugi dan menyesal.

Begitulah Allah SWT menghapuskan pahala terhadap amalan yang dilakukan oleh orang kafir di dunia seperti Allah SWT menghilangkan hasil tanaman kerana dosa-dosa pemiliknya. Tindakan ini bukan kerana Allah SWT bersikap zalim terhadap mereka tetapi sebenarnya merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri kerana tidak beriman dan tidak taat kepada Allah SWT dan mereka selalu melakukan kerosakan di muka bumi. Amalan orang kafir ditolak pada hari kiamat (walaupun amalan tersebut merupakan sedekah untuk kebaikan) kerana tiada keimanan dalam diri mereka dan amalan dilakukan atas dasar kekufuran.

KESIMPULAN

Balasan kepada amalan kebajikan yang dilakukan adalah bergantung kepada akidah dan iman seseorang, sekiranya amalan tersebut dilakukan oleh orang kafir maka setiap amalan tersebut akan menjadi sia-sia dan membawa bencana kepada dirinya sendiri, tetapi sekiranya amalan tersebut dilakukan dengan keimanan dan keikhlasan maka ia akan memperoleh ganjaran pahala yang melimpah-ruah di akhirat.

AWASI GODAAN DAN HASUTAN SYAITAN

Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ قَتَلَ
أَوْلَادِهِمْ شُرَكَاءَهُمْ لِيَرُدُّوهُمْ وَهُمْ
عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا فَعَلُوهُ فَذَرْهُمْ وَمَا
يَفْعَلُونَ ﴿١٣٧﴾

Maksudnya: “Dan demikianlah juga (jahatnya) ketua-ketua yang orang-orang musyrik itu jadikan sekutu bagi Allah, menghasut kebanyakan daripada mereka dengan kata-kata indah yang memperlihatkan eloknya perbuatan membunuh anak-anak mereka, untuk membinasakan mereka dan untuk mengelirukan mereka mengenai agama mereka. Dan kalau Allah kehendaki, nescaya mereka tidak melakukannya. Oleh itu biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan itu.”

(al-An’am: 137)

HURAIAN

Ayat ini menerangkan bahawa syaitan telah memperdaya orang-orang Musyrik untuk melakukan penyelewengan dalam pengendalian harta benda dan membunuh anak-anak mereka dengan menanamnya hidup-hidup kerana takut mendapat malu dan ditimpa kemiskinan serta membayar nazar kepada berhala-berhala yang disembah oleh mereka. Matlamat syaitan mudah, iaitu untuk membinasakan manusia dan menimbulkan kekeliruan

dalam kefahaman beragama sehingga mereka tidak dapat memahaminya dengan jelas, lalu sedikit demi sedikit kefahaman yang sebenar akan mula hilang lenyap.

Kefahaman yang keliru pula hanya akan menghancurkan kekuatan akidah sebilangan yang lain. Ini termasuklah juga dalam beberapa adat dan etika yang diamalkan dalam masyarakat sekarang yang boleh menimbulkan kesulitan masyarakat untuk mengamalkannya. Terdapat sesetengah adat yang diamalkan dalam masyarakat sekarang amat bertentangan dengan syariat Islam yang mulia. Justeru, adat ini terpaksa juga diikuti agar tidak menampakkan kejanggalan dalam hidup bermasyarakat. Mereka tidak berani menyatakan bahawa kefahaman-kefahaman dan peraturan-peraturan itu adalah daripada mereka sendiri. Oleh sebab itu, mereka melakukan pembohongan terhadap Allah dengan mendakwa bahawa semua itu adalah peraturan yang disyariatkan Allah kepada mereka dan mereka hubungkan peraturan itu kepada syariat nabi Ibrahim dan Ismail.

KESIMPULAN

Sesungguhnya kaum Musyrik amat licik dalam mengatur segala pakatan dan strategi yang jahat untuk menghancurkan agama Islam yang suci ini. Apabila manusia hanyut dibuai oleh hasutan dan godaan syaitan, maka semua yang haram sanggup dilakukan tanpa sekelumit pun perasaan bersalah.

BALASAN BERIMAN DAN BERAMAL KEBAJIKAN

Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصْرَىٰ وَالصَّالِحِينَ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ
رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Nasara (Nasrani), dan orang-orang Sabiin sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.*”

(al-Baqarah: 62)

HURAIAN

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mengerjakan amalan soleh akan memperoleh ganjaran masing-masing di sisi Allah SWT tanpa mengira kaum atau golongan. Mereka juga akan beroleh ketenangan jiwa dan terhindar daripada perasaan bimbang terhadap perkara-perkara buruk.

Allah SWT menegaskan bahawa perkara yang diambil kira sekarang ialah hakikat akidah mereka dan bukannya jenis bangsa atau kaum seseorang itu. Hakikatnya mereka merupakan

keturunan daripada Nabi Adam dan isterinya Hawa. Namun begitu, yang membezakan manusia hanyalah tahap keimanan dan ketakwaan seseorang itu kepada Allah SWT yang Maha Besar lagi Maha Agung.

Semua umat Islam wajib taat dan patuh kepada pencipta mereka kerana tujuan utama Allah SWT menciptakan hamba-hamba-Nya tidak lain hanyalah untuk mengabadikan diri kepada-Nya. Atau dengan kata lain semata-mata untuk beribadah kepada Allah SWT.

KESIMPULAN

Allah SWT menjanjikan balasan yang baik bagi hamba-Nya yang taat dan patuh, manakala bagi umat manusia yang ingkar, Allah SWT menjanjikan balasan yang pedih di akhirat kelak. Oleh yang demikian, beruntunglah orang-orang yang sentiasa membuat amal kebaikan semasa hidup di dunia ini sebagai persediaan bekalannya di akhirat.

BERIMAN KEPADA KITAB-KITAB ALLAH

Firman Allah SWT:

قُلْ ءَامَنَّا بِاللّٰهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ
 وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ
 وَعِيسَىٰ وَالنَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ
 وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kami, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada Nabi-nabi: Ibrahim dan Ismail, dan Ishak dan Yaqub, dan keturunannya, dan kepada apa yang telah diberikan kepada Nabi-nabi: Musa dan Isa, dan sekalian Nabi-nabi daripada Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka dan kepada Allah jualah kami berserah diri (Islam).”*

(Ali Imran: 84)

HURAIAN

Dalam ayat ini Allah SWT telah memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW beserta orang-orang yang mengikutinya untuk beriman kepada Allah SWT dan kepada para nabi sebelumnya termasuk juga mempercayai dan mengakui kitab-kitab suci mereka yang merupakan kalamullah (wahyu) daripada Allah SWT untuk memberi petunjuk kepada mereka.

Umat Nabi Muhammad bukanlah golongan yang hanya mengakui segolongan yang layak menjadi rasul (nabi) dengan tidak

mempercayai sebahagian yang lain, bahkan semuanya mereka terima dan percaya kerana kesemua mereka ini (nabi-nabi) membawa ajaran yang satu iaitu penyerahan diri kepada Allah SWT semata-mata bukan kepada yang lain sehinggakan semua nabi itu adalah nabi. Bahkan ajaran mereka menjadi pegangan hidup. Semua nabi adalah mulia dan dipilih oleh Allah SWT maka hendaklah kita sentiasa taat dan patuh kepada Allah SWT.

KESIMPULAN

Perintah Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW beserta para sahabat iaitu orang-orang Islam agar mempercayai dan beriman kepada nabi-nabi sebelumnya termasuk beriman dengan kitab suci serta mengakui kerasulan Nabi Muhammad SAW adalah kerana semua nabi sama mulia dan dipilih oleh Allah SWT.

CINTA ABADI

Firman Allah SWT:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ اللَّهِ أَنَدَادًا يُحِبُّونَهُمْ
 كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ سِئِرَى الَّذِينَ
 ظَلَمُوا إِذْ يَسْرُونَ الْعَذَابَ أَنِ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ
 شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya: *“(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu).”*

(al-Baqarah: 165)

HURAIAN

Maha Suci Allah Dialah Tuhan Yang Satu dan wajib disembah Tuhan seluruh alam. Yang menghidup dan mematikan. Namun di kalangan manusia masih ada menyembah selain Allah yang berlaku secara langsung atau tidak langsung. Menyembah patung-patung, pokok, binatang-binatang dan seumpamanya boleh

dikategorikan sebagai syirik. Namun tanpa disedari telah berlaku syirik apabila seseorang itu boleh mencintai sesuatu melebihi cintanya kepada Allah. Contohnya mencintai harta benda, anak-anak dan apa yang ada sekitar lebih daripada cintanya kepada Allah. Tumpuannya kepada harta benda, anak-anak dan perhiasan menyebabkan ia lalai menjadi hamba Allah tetapi telah menjadi hamba dunia.

Orang beriman sangat mencintai Allah. Cintanya kepada Allah tanpa kompromi, tanpa batasan dan tanpa syarat. Mencintai Allah jiwanya menjadi tenang dan damai. Allah mencintai hamba-Nya yang mencintai-Nya. Ini berbeza dengan cinta manusia kepada harta atau manusia. Cinta jenis ini banyak yang menyebabkan manusia menderita. Oleh itu cintakan Allah sebagai cinta agung dan abadi. Orang yang mencintai selain Allah dianggap sebagai menzalimi diri sendiri, kerana cintanya kepada harta benda dan apa sahaja di dunia menyebabkan dia lalai dan lupa untuk menjadi hamba Allah. Dia menjadi lalai, sombong dan kejam contohnya Qarun yang telah ditenggelamkan oleh Allah dengan hartanya sekali. Allah memberi amaran bahawa kekuasaan dan kekuatan itu adalah milik-Nya semata-mata dan azab siksanya amat berat bagi sesiapa yang menyembah Tuhan selain-Nya.

KESIMPULAN

Jauhilah perbuatan menyekutukan Allah SWT. Sembahlah Allah, kerana hanya Dia yang berhak disembah. Tiada Tuhan lain selain Dia. Puja dan cintailah Allah kerana Allah membalas cinta orang yang mencintainya. Jauhilah perbuatan syirik dan menzalimi diri sendiri kerana ia boleh mengundang kemurkaan dan azab siksa yang pedih daripada Allah SWT.

DILARANG MENYEKUTUKAN ALLAH

Firman Allah SWT:

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ
وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شُفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَتَدْعُونَ اللَّهَ
بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحٰنَهُ
وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Dan mereka menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: “Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah. “Katakanlah (wahai Muhammad): “Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang Ia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah mengetahui segala-galanya)?” Maha Suci Allah dan tertinggi keadaan-Nya dari apa yang mereka sekutukan.”

(Yunus: 18)

HURAIAN

Manusia adalah semulia-mulia makhluk di sisi Allah SWT kerana dikurniakan akal fikiran berbanding makhluk lain. Matlamat hakiki kejadian manusia adalah beribadat dan mengabdikan diri semata-mata kepada-Nya. Tiada Tuhan lain yang wajib disembah melainkan Allah SWT. Sesiapa yang menyembah selain-Nya,

bererti menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain. Dengan kata lain, mereka telah tergolong dalam kalangan orang yang menyirikkan Allah SWT.

Golongan ini adalah mereka yang menuju kehancuran dan tidak mendapat rahmat Allah SWT. Mereka beralih kepada menyembah objek (kuasa) lain semata-mata mengikut runtunan nafsu. Mereka menyangka tuhan-tuhan mereka itu berkuasa mendatangkan kebaikan dan kecelakaan sedangkan hakikatnya tuhan-tuhan palsu itu tidak dapat memberi sebarang syafaat dan tidak dapat berbuat apa-apa.

Sesungguhnya Allah Maha Esa lagi Maha Berkuasa mengetahui segala isi hati mereka yang melakukan perbuatan syirik ini. Mereka hendaklah segera kembali ke pangkal jalan. Balasan yang buruk bagi mereka yang menyekutukan Allah SWT.

KESIMPULAN

Umat Islam dilarang menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain. Hanya Allah SWT yang kita wajib sembah dan setiap sesuatu yang kita lakukan adalah kerana Allah SWT semata-mata. Mereka yang menyekutukan Allah SWT akan sentiasa hidup dalam kerugian dan kesesatan sedangkan di akhirat pula mereka ditempatkan di tempat yang selayaknya.

GAMBARAN HARI KIAMAT

Firman Allah SWT:

إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ ﴿١﴾ وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا الْأَرْضُ مُدَّتْ ﴿٣﴾
وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Apabila langit terbelah. Serta mematuhi perintah Tuhan-Nya, dan sudah semestinya ia patuh. Dan apabila bumi diratakan. Serta mengeluarkan apa yang di dalamnya dan menjadi kosong.”

(al-Insyiqaq: 1-4)

HURAIAN

Percaya kepada Hari Akhirat adalah salah satu daripada rukun iman. Kepercayaan ini menuntut manusia agar sentiasa berwaspada bahawa segala amalannya di dunia akan dihisab dan diberi balasan pada Hari Akhirat.

Antara tanda-tanda berlakunya Hari Kiamat ialah langit terbelah dan bumi menjadi rata. Apabila bumi menjadi rata, keluarlah segala isi yang ada dan berterbangan seperti kelkatu. Gambaran ini dinyatakan menerusi firman Allah di dalam surah al-Qariah ayat 4 yang bermaksud:

“Hari itu ialah Hari Kiamat, hari manusia menjadi seperti kelkatu yang terbang berkeliaran.”

Orang yang memahami isi kandungan al-Quran akan cuba mendekati diri dengan Allah SWT dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup. Ingatlah kebenaran bahawa Hari Kiamat yang dijanjikan oleh Allah SWT pasti akan tiba.

KESIMPULAN

Gambaran berlakunya Hari Kiamat amat dahsyat. Manusia pada hari tersebut akan diperhitungkan mengikut amalan mereka di dunia ini.

GANJARAN KEIMANAN

Firman Allah SWT:

مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَءَامَنْتُمْ
وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

Maksudnya: “*Apa gunanya Allah menyiksa kamu sekiranya kamu bersyukur (akan ni‘mat-Nya) serta kamu beriman (kepada-Nya)? Dan (ingatlah) Allah sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang yang bersyukur kepada-Nya), lagi Maha Mengetahui (akan hal keadaan mereka).*”
(an-Nisa’: 147)

HURAIAN

Ayat ini mempunyai sentuhan yang dapat menarik perasaan pembacanya selepas Allah membentangkan ayat-ayat yang berkaitan tentang hukuman yang berat terhadap pendusta kebenaran dan menyedarkan hati-hati manusia. Hakikatnya Allah SWT tidak berhajat untuk menyiksa apatah lagi membalas dendam terhadap mereka lantaran Allah penuh dengan sifat kasih sayang dan belas kasihan terhadap hamba-Nya.

Ayat ini dapat mendidik jiwa manusia yang keras, sombong serta angkuh dalam kehidupannya. Tidakkah Allah jua yang menyediakan segala bentuk kemudahan hidup ini, dan kita hanya menggunakan sahaja tanpa bersusah payah sedikit pun? Maka sewajarnya sebagai hamba kita menyatakan rasa syukur, bukan sahaja dengan ungkapan tutur bicara kita, tetapi juga dibuktikan dengan perlaksanaan segala perintah, suruhan dan tidak pula lalai dengan kemewahan hidup yang sementara ini.

KESIMPULAN

Ayat ini merupakan ayat teguran dan isyarat Allah supaya manusia sentiasa bersyukur atas nikmat yang mereka peroleh. Keimanan perlu dibuktikan dengan ikrar, pelaksanaan dan keyakinan yang tinggi kepada kekuasaan Allah SWT. Sesungguhnya manusia yang hampir jiwanya dengan Allah, tidak akan membiarkan begitu sahaja bahkan Allah akan menyediakan balasan yang terbaik untuk hamba-Nya yang bersyukur.

GANJARAN SYURGA

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَنُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي
مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا لَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ
وَنُدْخِلُهُمْ ظِلًّا ظَلِيلًا ﴿٥٧﴾

Maksudnya: "Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, kami akan masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Mereka beroleh dalam syurga itu pasangan-pasangan/ isteri-isteri yang suci bersih, serta kami masukkan mereka ke tempat yang teduh yang sentiasa dinaungi."

(an-Nisa': 57)

HURAIAN


Ayat ini merupakan rangkaian ayat-ayat yang menyentuh persoalan keimanan di kalangan orang yang mahu beriman dan perbuatan buruk orang yang suka menghalang orang lain beriman. Allah juga menjelaskan kepada orang yang beriman akan balasan baik yang menanti, dan demikian juga berita tentang balasan buruk bagi orang yang suka menghalang orang lain menerima keimanan. Lihatlah bagaimana Allah menggambarkan orang yang menghalang keimanan dengan azab yang ngeri seperti kulit mereka akan dibakar dan kemudian diganti semula dan seterusnya berulang-ulang sehingga tibanya hari kiamat dan hari pembalasan.

Ayat ini pula memberi gambaran tentang kasih sayang Allah kepada hamba-Nya yang beriman dengan balasan yang tidak

ternilai dan terungkap dengan kata-kata. Ayat-ayat tentang berita gembira sewajarnya disambut dengan semangat dan azam yang membara manakala ayat-ayat yang berupa ancaman azab dapat menyedarkan kita supaya melakukan kebaikan.

KESIMPULAN

Setiap amalan kita akan diberikan penilaian oleh Allah SWT sama ada berjaya atau sebaliknya, syurga atau neraka. Setiap ayat yang berupa berita gembira mestilah dapat meningkatkan keazaman kita untuk memelihara dan mempertahankan agama ini daripada dicerobohi sekali pun terpaksa mengorbankan jiwa dan raga. Manakala ayat yang berupa ancaman pula, perlu diberi perhatian sebagai ingatan dan sempadan agar kita sentiasa berwaspada dan tidak terjerumus bersama orang yang rugi dan menerima azab Allah SWT.



GANJARAN SYURGA UNTUK AHLI JIHAD

Firman Allah SWT:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحَسَنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ
الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

Maksudnya: “Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman selain daripada orang-orang yang ada keuzuran dengan orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya, Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat. Dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (syurga), dan Allah melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu uzur) dengan pahala yang amat besar.”

(an-Nisa': 95)

HURAIAN

Jihad adalah satu strategi dan keperluan yang amat penting dalam amalan berdakwah. Pengorbanan harta benda merupakan

keperluan dalam berjihad dan dituntut kepada orang yang beriman, ganjaran Allah juga sangat hebat iaitu syurga.

Pelbagai bentuk dalam kehidupan contohnya berjihad dalam mengembangkan agama Allah, jihad dalam menggalakkan ekonomi dan lain-lain. Sudah tentu terdapat perbezaan yang nyata antara orang yang berjihad dengan orang yang hanya duduk serta membuang masa. Orang yang berjihad mengorbankan masa, harta dan tenaga kerana bukan mudah untuk jiwa manusia mengorbankan apa yang disukainya. Allah menjanjikan kedudukan yang tinggi terhadap orang yang berjihad. Dinyatakan ganjaran pahala yang besar, keampunan dan rahmat Allah terhadap orang yang berjihad sebagaimana hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya di dalam Syurga terdapat seratus darjah kedudukan yang disediakan kepada orang yang berjihad kerana Allah dan jarak diaturnya tiap-tiap dua darjah kedudukan itu ialah sejauh diatur langit dan bumi.”

(al-Bukhari)

KESIMPULAN

Jihad di jalan Allah memerlukan pengorbanan yang besar. Jiwa yang suka untuk berjihad akan dapat membentuk manusia yang cintakan Allah dan tidak takut untuk mati. Allah memuliakan dan menjanjikan ganjaran yang besar untuk golongan yang suka berjihad kerana tugas jihad kemuncaknya adalah untuk membawa manusia mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan penuh keikhlasan.



HAMBA YANG DIMURKAI ALLAH

Firman Allah SWT:

الْقِيَامِ فِي جَهَنَّمَ كُلَّ كَفَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *“(Setelah tiap-tiap orang dibicarakan, Allah berfirman kepada kedua malaikat yang menjadi pembawa dan saksi itu): “Humbankanlah oleh kamu berdua, ke dalam neraka Jahannam tiap-tiap orang yang tetap degil dalam kekufurannya.”*

(Qaf: 24)

HURAIAN

Allah SWT telah memerintahkan kepada dua malaikat supaya mencampakkan hamba-hamba yang dimurkai. Kemurkaan Allah kerana terdapat hamba-Nya yang berada di dalam kekufuran, degil, bahkan menghalang dan menyerang orang Islam yang menyiarkan (mengembangkan) ajaran Islam, membayar zakat, melanggar hukum agama, meragui kebenaran seperti mempersekutukan Allah SWT dan sebagainya. Perbuatan ini merupakan seburuk-buruk perbuatan dan hamba yang melakukannya akan dicampakkan ke dalam neraka Jahannam. Begitulah pembalasan Allah terhadap hamba yang ingkar.

KESIMPULAN

Setiap manusia akan dihitung segala amal perbuatannya. Perbuatan yang baik akan mendapat balasan dan tempat yang selayaknya. Manakala perbuatan yang buruk dan mensyirikkan Allah, tempatnya ialah ke jurang neraka, sekiranya ia tetap tidak mahu bertaubat dan tidak beriman kepada Allah SWT.

JANGAN NAFIKAN KEBENARAN

Firman Allah SWT:

وَقَالُوا أَفَلَوْا بِنَا فِي أَكِنَّةٍ مِمَّا نَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِي آءَادَانِنَا وَقْرٌ
وَمِنْ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَأَعْمَلْ إِنِنَّا عَلِيمُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: “Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang berlapis-lapis (menghalang kami) daripada memahami apa yang engkau serukan kami kepadanya, dan pada telinga kami penyumbat (menjadikan kami tidak dapat mendengarnya), serta di antara kami denganmu ada sekatan (yang memisahkan fahaman kita); oleh itu, bekerjalah engkau (untuk agamamu), sesungguhnya kami juga tetap bekerja (untuk mempertahankan kepercayaan kami)! ”

(Fussilat: 5)

HURAIAN

Islam ialah agama yang hak dan benar. Al-Quran telah diturunkan sebagai bukti kekuasaan Allah SWT dengan membawa khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan amaran seksaan api neraka bagi mereka yang ingkar kepada suruhan-Nya. Justeru, diutuskan junjungan besar Nabi Muhammad SAW untuk berdakwah dan menyeru umat manusia supaya beriman kepada-Nya. Sebagai manusia yang mempunyai akal fikiran, kita diseru mempelajari dan memahami isi al-Quran bertujuan memantapkan lagi keimanan kita kepada Allah SWT.

Walaupun penyebaran Islam dilakukan dengan rancak, kebenaran ajaran yang suci ini terus dinafikan oleh orang-orang

yang tidak mahu menerima kebenaran. Mereka lebih senang dengan agama serta fahaman yang dianuti oleh nenek moyang mereka yang terdahulu.

KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, kita dituntut supaya menegakkan kebenaran seperti yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunah. Dengan berbekalkan akal fikiran yang waras, kita dapat membezakan sesuatu perkara itu benar atau batil. Jangan sekali-kali kita menurut hawa nafsu semata-mata, tanpa membuat penyelidikan kerana sikap terburu-buru seperti itu akan membawa kepada kemusnahan diri.

JANJI ALLAH

Firman Allah SWT:

وَالْقَمَرَ قَدَرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: “Dan bulan pula kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering.”

(Yasin: 39)

HURAIAN

Merungkai rahsia alam terutama terhadap penciptaan Allah SWT adalah cara terbaik untuk mendidik jiwa supaya tunduk dan patuh kepada perintah-Nya. Perumpamaan kerak nasi yang keras mampu dilembutkan dengan rendaman air yang lembut, sedangkan hati yang keras tidak mampu melihat kebesaran Allah SWT, ibarat mencurahkan air ke daun keladi.

Keajaiban penciptaan Allah SWT seperti peredaran malam dan siang silih berganti tanpa sebarang perlanggaran adalah cabaran bagi manusia untuk meneroka ilmu pengetahuan dan ancaman kepada orang yang angkuh dan sombong bahawa hari pembalasan di akhirat adalah benar. Manusia harus sedar bahawa kejadian alam semesta ini adalah lambang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT supaya manusia berfikir dengan akal fikiran mereka supaya dapat menimbulkan kegerunan di dalam hati mereka yang akhirnya melahirkan manusia yang bertakwa kepada Allah SWT.


KESIMPULAN

Ayat-ayat al-Quran yang memaparkan bagaimana kejadian alam semesta adalah tanda kebesaran Allah SWT, sekali gus ayat-ayat

ini merupakan cabaran Allah SWT kepada manusia supaya berfikir tentang kekuasaan dan kehebatan Allah, demikian juga Allah mencabar manusia yang bersikap enggan, angkuh dan sombong. Bekalan iman dan takwa adalah sebaik-baik bekal untuk dibawa ke alam yang abadi.

JAUHILAH DOSA BESAR DAN NIKMATILAH JANJI ALLAH

Firman Allah SWT:



Maksudnya: *“Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).”*

(an-Nisa’: 31)

HURAIAN

Mempersekutukan Allah dengan yang lain, membunuh, memakan harta anak yatim, riba, menderhaka ibu bapa dan berzina termasuk dalam perbuatan dosa besar. Perbuatan ini biasanya dilakukan oleh manusia yang tidak beriman dan berada dalam kejahilan. Oleh itu ajaran Islam memberi perhatian penuh dalam pendidikan diri khususnya dalam membentuk akhlak. Sekiranya berlaku perbuatan dosa besar kembalilah ke pangkal jalan dengan usaha yang bersungguh-sungguh untuk bertaubat kepada Allah SWT. Berjihadlah untuk melawan nafsu kejahatan dengan bertaubat secara ikhlas kepada Allah SWT.

Bagi mengatasi kejahilan, manusia perlu kembali pada perlembagaan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Hukum-hukum yang telah ditetapkan akan menjadi panduan untuk umat manusia menjauhi segala larangan dan kemurkaan Allah SWT. Menjauhi perkara-perkara yang mendatangkan dosa besar dapat

menangkis dosa-dosa kecil yang terdapat dalam diri seseorang. Itulah janji Allah, betapa besarnya rahmat Allah SWT terhadap hamba-Nya yang mempunyai segala bentuk kekurangan walaupun melakukan pelbagai kesalahan tetapi Allah SWT tetap menerima taubat hamba-Nya dengan menghapuskan dosa-dosa hamba-Nya dan menempatkan mereka di tempat yang mulia iaitu syurga.

KESIMPULAN

Sebagai manusia biasa kita sering melakukan kesalahan dan kesilapan sama ada disedari atau tidak. Kesilapan yang dilakukan secara berulang-ulang dibimbangi akan menjadi satu dosa besar. Justeru segala perkara yang menjerumus kepada dosa kecil dan besar hendaklah dihindari.

KEBENARAN KERASULAN NABI MUHAMMAD

Firman Allah SWT:

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ
أَنْ يُؤْتَىٰ أَحَدٌ مِّثْلَ مَا أُوتِيْتُمْ أَوْ يُحَاجُّوكُمْ عِنْدَ رَبِّكُمْ
قُلْ إِنْ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

Maksudnya: “Dan (mereka berkata lagi): ‘Janganlah kamu percaya melainkan kepada orang-orang yang mengikut agama kamu’. Katakanlah (Wahai Muhammad): ‘Sesungguhnya petunjuk yang sebenar-benarnya ialah petunjuk Allah’. (Mereka berkata pula: janganlah kamu percaya) bahawa akan diberi kepada sesiapa seperti apa yang telah diberikan kepada kamu, atau mereka akan dapat mengalahkan hujah kamu di sisi Tuhan kamu’. Katakanlah (Wahai Muhammad): ‘Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di tangan Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya: dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi meliputi pengetahuan-Nya.’ ”

(Ali-Imran: 73)

HURAIAN

Rasulullah SAW menghadapi kesukaran dan penentangan daripada golongan yang menentangnya (Bani Israel). Golongan ini beranggapan bahawa agama mereka lah yang benar di samping beranggapan bahawa nabi-nabi itu hanya daripada kalangan mereka sahaja, bahkan mereka ini melampaui batas dengan menghina

orang lain. Mereka juga berkeyakinan apa yang diperkatakan oleh mereka semuanya benar dan betul (baik).

Dalam hal ini, Allah SWT telah menyatakan bahawa nabi-nabi itu tidak hanya terbatas untuk sesuatu bangsa (Bani Israel) sebaliknya Allah memberikan kepada sesiapa sahaja dalam kalangan manusia yang dikehendaknya. Sesiapa yang telah mendapat petunjuk Allah SWT maka tidak ada yang dapat mengalahkannya (disedatkan) bahkan usaha-usaha mereka akan menjadi sia-sia.

Sikap golongan ini yang sememangnya terkenal dengan sifat sombong dan ingkar. Mereka tetap tidak percaya dengan utusan nabi yang bukan daripada kalangan mereka, apatah lagi mengakui bahawa umat Islam juga diberikan kitab (al-Quran) sebagaimana mereka juga. Dengan ini jelaslah bahawa Allah Maha Berkuasa dan Mengetahui orang yang berhak dijadikan rasul (nabi) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

KESIMPULAN

Anggapan bahawa nabi-nabi itu hanya daripada kalangan mereka (Bani Israel) merupakan suatu pemahaman yang benar-benar salah, kerana Allah SWT berkuasa dan berhak memberikan kepada sesiapa sahaja apa yang dikehendaki-Nya.

KEIMANAN YANG MANTAP BAWA KEJAYAAN

Firman Allah SWT:

﴿لَيْسُوا سَوَاءً ۚ مَن أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ
آيَاتِ اللَّهِ ۖ أَنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾ يُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۖ وَرَبًّا مُّرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ ۖ وَسِرْعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ ۚ وَأُولَٰئِكَ
مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾﴾

Maksudnya: “Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. Di antaranya ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang pada agama Allah yang benar); mereka membaca ayat-ayat Allah (al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang). Mereka beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian) adalah daripada orang-orang yang soleh.”

(Ali-Imran: 113 dan 114)

HURAIAN

Allah SWT menjelaskan bahawa golongan ahli kitab tidak sama dalam keimanan dan kekufuran. Ada di antara mereka yang beriman dan ada yang ingkar dan kufur. Di kalangan mereka ada

yang telah memeluk Islam yakni patuh terhadap suruhan Allah SWT, istiqamah dalam agama, taat pada syariah serta mengikut ajaran Nabi Muhammad SAW.

Mereka ini beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat dengan sebenar-benarnya tanpa sebarang syubhah (keraguan), menyuruh kepada kebaikan dan melarang daripada kejahatan. Di samping itu mereka berlumba-lumba dalam melakukan perkara kebajikan dan amal soleh tanpa berlengah-lengah.

Di antara golongan ahli kitab tersebut ialah Abdullah bin Salam, Asad bin Abid, Tha'labah bin Sa'naah. Apa sahaja ketaatan yang dilakukan oleh mereka akan dibalas dengan ganjaran pahala yang tidak akan sia-sia di sisi Allah SWT kerana Allah Maha mengetahui amalan hamba-hamba-Nya yang bertakwa dan sebaik-baik pemberi balasan.

KESIMPULAN

Setiap orang yang beriktikad betul dan beriman berpegang teguh dengan agamanya, taat dan patuh kepada syariah merupakan orang yang soleh. Mereka akan diberi ganjaran pahala dan nikmat kebaikan di atas segala ketaatan dan amalan soleh yang dilakukan kerana kehidupan tanpa akidah yang betul dan segala amalan kebaikan yang dilakukan menjadi sia-sia sahaja.

KEMATIAN ADALAH KETENTUAN ALLAH SWT

Firman Allah SWT:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ
أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ
فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

Maksudnya: “Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berpaling tadah menjadi kafir?) dan ingatlah, sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan sebaliknya Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu).”

(Ali-Imran: 144)

HURAIAN

Setiap yang bernyawa pasti akan mati. Begitulah juga yang berlaku kepada Nabi Muhammad SAW. Baginda juga adalah seorang rasul yang sama seperti rasul yang sebelumnya telah mati atau terbunuh seperti Nabi Musa yang telah wafat dan Nabi Zakaria dan Isa yang telah dibunuh. Namun, kita wajib berpegang teguh dengan agama walaupun rasul yang telah membawa risalah telah mati atau dibunuh kerana rasul juga manusia seperti nabi-nabi yang lain. Mereka ada tugas yang akan selesai sebelum meninggal dunia.

Orang-orang yang berpaling daripada agama dengan kembali kepada kekufuran kerana kelemahan iman mereka sebenarnya tidak memberi kesan atau mudharat kepada Allah SWT disebabkan tindakan itu. Bahkan ia akan memudaratkan dirinya sendiri kerana mereka akan dibalas dengan seksaan api neraka akibat perbuatan mereka itu.

Seterusnya Allah SWT akan memberi balasan pahala kepada mereka yang bersyukur atas nikmatnya. Iaitu mereka yang taat perintahnya, berjuang untuk agamanya dan pengikutnya sama ada ketika baginda masih hidup atau telah wafat. Mereka ini diberi rahmat dan fadhilat-Nya di dunia dan di akhirat di atas kesyukuran dan amalan mereka.

KESIMPULAN

Nabi Muhammad merupakan seorang manusia yang juga wafat seperti mana semua makhluk yang bernyawa yang lain. Namun orang Islam ditentukan agar berpegang teguh dengan risalah Nabi Muhammad SAW walaupun baginda sudah tiada lagi. Dengan itu Allah akan memberi balasan sebaiknya kepada mereka yang sentiasa bersyukur atas semua nikmat-Nya.

KOMITED DENGAN DASAR AKIDAH

Firman Allah SWT:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ عَلَى فَتْرَةٍ
مِّنَ الرَّسُلِ أَن تَقُولُوا مَا جَاءَنَا مِن بَشِيرٍ وَلَا نَذِيرٍ فَقَدْ
جَاءَكُمْ بَشِيرٌ وَنَذِيرٌ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul kami (Muhammad SAW) yang menerangkan kepada kamu (akan syariat Islam) ketika terputusnya (kedatangan) Rasul-rasul yang diutus (supaya kamu tidak beralih) dengan berkata pada hari kiamat: “Tidak datang kepada kami seorang (Rasul) pun pembawa berita gembira dan juga pembawa amaran (yang mengingatkan kami).” Kerana sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang (Rasul) pembawa berita gembira dan juga pembawa amaran. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(al-Maidah: 19)

HURAIAN

Allah SWT mengutus seorang Rasul dalam kalangan orang Arab dan bukannya kalangan yang lain membuktikan bahawa Allah SWT bebas untuk mengutus mana-mana rasul dari mana-mana kaum. Sebab itu, Allah SWT mengingatkan ahli kitab supaya mengikut Nabi dan Rasul yang diutuskan sungguhpun berat bagi mereka kerana bukan dalam kalangan mereka.

Seruan ini sungguhpun ditujukan khusus untuk ahli kitab, namun merakamkan pengiktirafan yang tinggi kepada Nabi Muhamad SAW yang diutus dalam kalangan bangsa Arab. Pada masa yang sama juga, bangsa Arab yang terkenal dengan jahil dan ummi, yang dihina oleh bangsa lain, secara tiba-tiba menjadi bangsa yang dihormati. Oleh itu, sama ada mereka daripada bangsa Arab dan bukan Arab, mereka perlu mematuhi dan mengikuti Rasul yang didatangkan kepada mereka.

KESIMPULAN

Rasulullah SAW adalah Rasul yang diutus untuk sekalian umat manusia; sama ada mereka daripada kalangan bangsa Arab, bangsa Yahudi atau bangsa Melayu, mereka wajib mengikuti ajaran yang dibawa dan disampaikan kepada mereka.

NABI MUHAMMAD UTUSAN ALLAH

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُ الْوَاحِدُ
فَأَسْتَقِيمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ لِلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahikan atau diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredhaan-Nya) serta pohonlah kepada-Nya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan (ingatlah), kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu yang lain).”*

(Fussilat: 6)

HURAIAN

Nabi Muhammad merupakan Rasul terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia di muka bumi ini bertujuan menyebarkan ajaran Islam dengan menyeru mereka mengesakan Allah SWT, tiada tuhan yang layak disembah melainkan-Nya. Manusia diseru supaya mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang oleh-Nya. Sebagaimana nabi-nabi dan rasul-rasul yang diutuskan sebelum ini, baginda juga adalah dalam kalangan manusia. Walaupun baginda seorang yang ummi (tidak tahu membaca) tetapi baginda dapat mempelajari dan mendalami al-Quran dengan sebaiknya dengan dibantu oleh malaikat Jibril AS.

Baginda juga terkenal dengan akhlak terpuji dan budi pekerti yang tinggi sehingga menjadi idola dan contoh tauladan kepada manusia sejagat di sepanjang zaman. Setelah melalui pelbagai rintangan ketika mengembangkan agama Allah SWT, baginda dapat melembutkan hati-hati yang keras agar memeluk Islam dengan menggesa mereka agar bertaubat terhadap kesalahan dan dosa yang lampau. Mereka juga diberi peringatan bahawa sesiapa yang mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain akan mendapat balasan azab di akhirat kelak. Akhirnya, jadilah mereka orang yang sanggup berkorban dan mempertahankan Islam hingga ke titisan darah yang terakhir.

KESIMPULAN

Kejayaan Rasulullah SAW menyebarkan agama Allah SWT sungguh mengagumkan. Sehingga kini kita masih mampu merasai kemanisan iman yang dibawa oleh baginda. Sebagai generasi Islam masa kini, kita hendaklah meneruskan dakwah Islamiah bagi memperjuang dan menyambung usaha baginda dalam menegak dan mengembangkan syiar Islam di serata dunia.

ORANG MUSYRIK DALAM KERUGIAN

Firman Allah SWT:

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا أَمْ كَانَكُمْ أَنْتُمْ
وَشُرَكَاءُكُمْ فَزَيَّلْنَا بَيْنَهُمْ وَقَالَ شُرَكَاءُهُمْ مَا كُنْتُمْ آيَاتِنَا
تَعْبُدُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) masa Kami himpulkan mereka semua (pada hari kiamat), kemudian kami berfirman kepada orang-orang musyrik: “Tunggulah di tempat kamu semua, kamu dan makhluk-makhluk yang kamu jadikan sekutu”, sesudah itu Kami putuskan perhubungan baik di antara mereka. Dan berkatalah makhluk-makhluk yang mereka sembah itu (sebagai berlepas diri): “Bukanlah kami - yang kamu puja dan taati, (sebenarnya kamu hanya memuja dan mentaati hawa nafsu kamu sendiri!).”

(Yunus: 28)

HURAIAN

Apabila berlakunya kiamat, umat manusia seluruhnya akan dihimpunkan di Padang Mahsyar. Berat atau ringan kesusahan yang mereka rasai pada waktu itu bergantung kepada amalan masing-masing semasa di dunia lagi. Mereka yang banyak beribadat dan melakukan amal kebaikan semata-mata kerana Allah SWT akan mendapat kesenangan.

Mereka yang syirik dan mempersekutukan Allah dengan mana-mana makhluk sebenarnya mensia-siakan amalan mereka.

Allah SWT tidak sekali-kali menerima sebarang amalan syirik. Justeru itu mintalah pertolongan daripada makhluk-makhluk yang mereka sembah tersebut. Walau bagaimanapun, makhluk yang mereka puja semasa di dunia itu tidak dapat memberi sebarang syafaat dan pertolongan, bahkan mereka (sembahan) melepaskan diri kerana mereka juga adalah makhluk Allah SWT. Hakikatnya golongan Musyrik itu sebenarnya mengikut hawa nafsu tanpa memikirkan baik buruknya perbuatan mereka menyekutukan Allah SWT.

KESIMPULAN

Setiap manusia akan dinilai berdasarkan amalan mereka semasa di dunia. Mereka yang mematuhi undang-undang dan peraturan Allah SWT akan mendapat balasan kebaikan, begitu pula sebaliknya. Jelas sekali golongan Musyrik sentiasa dalam kerugian, di dunia mereka hidup dalam kesesatan sementara di akhirat pula tidak diterima amalan mereka.

PENENTUAN KEIMANAN

Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِمْ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ
 فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ
 الْحَكِيمُ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya), dan dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Ibrahim: 4)

HURAIAN

Menerusi ayat ini Allah SWT menerangkan kepada umat Nabi Muhammad SAW bahawa Dia telah mengutuskan Rasul kepada umat yang terdahulu ramai di kalangan mereka sendiri agar Rasul itu dapat menerangkan hukum-hukum Allah dalam bahasa yang mereka fahami iaitu bahasa ibunda mereka. Sebenarnya ia adalah rahmat Allah kepada manusia dalam setiap kerasulan kerana Rasul yang diutuskan itu dapat berbicara dalam bahasa masing-masing supaya dia dapat memberi penerangan dan penjelasan kepada mereka.

Nabi Muhammad SAW telah diutuskan dengan bahasa kaumnya, walaupun baginda diutuskan untuk seluruh manusia.

Kaumnya yang akan membawa risalah baginda kepada seluruh manusia. Sebelum dan selepas kewafatan, Rasulullah SAW telah berjaya mengislamkan seluruh penduduk Semenanjung Arab. Sementara itu, Rasulullah SAW juga telah mengutus surat kepada Raja Parsi dan Rom supaya beriman kepada Allah. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah telah menyebarkan dakwahnya kepada kaum lain selaras dengan tugasnya sebagai Rasul dan rahmat untuk sekalian alam.

Tugas Rasulullah dan setiap Rasul hanyalah untuk memberi penjelasan dan petunjuk. Namun hasil daripada dakwah baginda itu terpulang kepada manusia untuk menerima atau menolaknya. Rasulullah tidak berupaya memaksa seseorang itu menerima risalah Allah. Rasulullah tidak dapat menentukan semua umatnya beriman. Semua bergantung kepada urusan Allah SWT.

KESIMPULAN

Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Dia tidak membiarkan manusia hidup tanpa panduan dan peraturan. Dia telah mengutuskan Rasul di kalangan kaum itu sendiri untuk mengajar segala peraturan hidup agar manusia sentiasa berada dalam keredhaan-Nya. Jika mereka memilih keimanan, nescaya berada dalam keredhaan Allah. Sebaliknya, jika mereka memilih untuk berada dalam kesempitan dan kesesatan, itu adalah ketentuan dan kehendak mereka sendiri.

PERBUATAN BAIK DI BALAS BAIK

Firman Allah SWT:

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ
رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا
وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: “Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu,” dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan/ isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.”
(al-Baqarah: 25)

HURAIAN

Ayat ini jelas menyatakan bahawa orang yang baik dapat memberikan manfaat serta menyampaikan hajat orang lain dengan ikhlas. Balasan dan ganjaran Allah adalah sangat besar kepada hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh. Demikian juga kepada hamba-Nya yang mampu menghindari diri daripada sifat syak wasangka dan ragu-ragu terhadap kebenaran al-Quran.

Ganjaran syurga sedia menanti bagi golongan yang meyakini al-Quran dan melakukan amalan kebaikan. Demikianlah janji-janji Allah kepada kebaikan yang dibalas dengan kebaikan. Syurga Allah adalah balasan kebaikan paling tinggi dengan dihiasi isteri-isteri yang bersih dan diredhai.

KESIMPULAN

Allah menuntut keyakinan dan keimanan yang mutlak daripada hamba-Nya. Sifat ragu-ragu adalah ujian kepada hamba-Nya dalam menerima segala bentuk perintah, suruhan serta larangan. Nikmat Allah sentiasa tersedia melimpah-ruah menanti hambanya yang ikhlas, beramal soleh dan mempunyai keimanan yang jitu serta tinggi. Keyakinan seumpama inilah yang bakal membawa manusia beriman mengecapi nikmat Allah di akhirat kelak.

PERSAMAAN GOLONGAN MUSYRIKIN DAN MUNAFIK

Firman Allah SWT:

كَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْكُمْ قُوَّةً وَأَكْثَرَ أَمْوَالًا
وَأَوْلَادًا فَاسْتَمْتَعُوا بِخَلْقِهِمْ فَاسْتَمْتَعْتُمْ بِخَلْقِكُمْ
كَمَا اسْتَمْتَعَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ بِخَلْقِهِمْ وَخُضِعْتُمْ
كَالَّذِي خَاضُوا أَوْلِيَّكَ حَيْطَتِ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَأَوْلِيَّكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: *“(Nasib kamu hai orang-orang munafik adalah sama dengan nasib orang-orang sebelum kamu yang telah dibinasakan) mereka lebih kuat serta lebih banyak harta dan anak pinak daripada kamu, dan mereka telah bersenang-senang dengan bahagian mereka, maka kamu pula telah bersenang-senang dengannya dengan bahagian kamu, sebagaimana orang-orang yang sebelum kamu itu bersenang-senang dengan bahagiannya. Dan kamu telah memperkatakan perkara-perkara yang salah dan dusta sebagaimana mereka memperkatakannya. Mereka yang demikian rosak binasalah amal-amalnya yang baik di dunia dan di akhirat dan merekalah orang-orang yang rugi.”*

(at-Taubah: 69)

HURAIAN

Antara ciri-ciri orang munafik dalam kegiatan hidup mereka ialah mereka suka kepada perkara-perkara yang mungkar dan melarang

daripada melakukan perkara-perkara makruf serta mereka ini sangat bakhil untuk membantu orang lain. Allah SWT telah membandingkan golongan munafik ini dengan Musyrikin yang terdahulu iaitu golongan jahiliah sebelum lahirnya Nabi Muhammad SAW. Persamaan sikap dan perangai yang mereka miliki ialah mereka mempunyai keperkasaan fizikal, memiliki harta yang banyak serta mempunyai anak-anak yang ramai yang mana kesemuanya itu menjadi kebanggaan mereka.

Ternyata bahawa orang-orang terdahulu itu lebih gagah dan kuat dari segi fizikalnya daripada golongan munafik ini malah mereka lebih hartawan dan mempunyai lebih ramai anak cucu, kaum kerabat serta pengikut mereka. Jika orang-orang terdahulu menggunakan segala kelebihan yang mereka ada untuk menjaga mereka sendiri, maka begitu juga dengan golongan munafik ini. Mereka menggunakan segala nikmat kelebihan ini untuk kepentingan mereka sendiri termasuk menimbulkan huru-hara dengan menyebarkan kata-kata dusta dan fitnah terhadap Rasulullah SAW.

Allah SWT telah menyatakan bahawa walaupun golongan munafik ini mempunyai beberapa kelebihan di dunia namun mereka rugi di akhirat kerana segala amalan baik yang ada pada mereka akan rosak binasa, malah kehidupan mereka tiada keberkatan.

KESIMPULAN

Orang-orang munafik adalah suatu golongan yang hanya mementingkan kemewahan dunia. Mereka ini sanggup membelakangi tuntutan agama demi untuk memiliki kemewahan dan kebanggaan di dunia ini. Golongan ini sememangnya tidak mahu mengambil pengajaran terhadap umat-umat terdahulu yang mementingkan kemewahan dunia sahaja lalu Allah membinasakan mereka dengan seteruk-teruknya. Allah SWT tidak sekali-kali hendak menganiyai mereka tetapi merekalah yang menganiyai diri mereka sendiri akibat kedegilan mereka sendiri.

PETUNJUK SEPANJANG ZAMAN

Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa.”

(al-Baqarah: 2)

HURAIAN

Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk memandu manusia dalam satu sistem hidup yang sejahtera yang merangkumi segala aspek kehidupan. Al-Quran boleh mengatur perjalanan manusia mentadbir alam ini mengikut acuan yang telah ditentukan oleh Ilahi, namun keupayaan al-Quran mesti diyakini oleh manusia yang beriman.

Keimanan dan keyakinan yang benar adalah keimanan yang bersih dan suci daripada segala unsur kecurigaan dan syak wasangka nafsu yang jahat. Ragu-ragu adalah musuh keyakinan yang menjadi teras keimanan hati kepada pengarahan wahyu Allah SWT. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui bahawa manusia sering berhadapan dengan sifat ragu dalam diri mereka. Justeru, Allah mengingatkan bahawa sebelum keyakinan dapat tumbuh subur di dalam hati dan jiwa maka terlebih dahulu segala sifat ragu hendaklah dihindarkan sama sekali.

KESIMPULAN

Ragu-ragu dan syak wasangka adalah unsur negatif yang perlu dihindari kerana kelak mampu menjadi racun paling berbisa kepada nilai keimanan dan ketakwaan seorang hamba terhadap tuhanNya. Hati manusia sewajarnya bersih seperti tanah yang subur dalam melahirkan keimanan mutlak hanya terhadap Allah SWT. Al-Quran adalah nadi hidayah dan bahtera penyelamat manusia daripada tipu daya dunia dan kesengsaraan azab Allah ke atas hamba-Nya di hari akhirat.

RUGIKAH BERIMAN?

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِنْ تَكَ حَسَنَةً يُّضَعِفْهَا
وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu). Dan kalaulah (amal yang seberat zarah) itu amal kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi, dari sisi-Nya, pahala yang amat besar.*”

(an-Nisa’: 40)

HURAIAN

Ayat ini dengan jelas Allah SWT menempelak terhadap orang yang sentiasa mencari dalih supaya mereka tidak beriman dalam erti kata beriman dengan sebenarnya. Mereka sentiasa mencari-cari alasan supaya tidak mematuhi perintah Allah dengan pelbagai helah dan alasan, seolah-olah akan ada kemudahan yang menimpa mereka jika mereka beriman dengan iman yang sebenar kepada Allah SWT. Mulut mereka mengaku beriman dan mengeluarkan infak sedang Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka yang meronta-ronta inginkan kebebasan daripada ikatan syariat Ilahi.

Golongan ini mengaku bahawa iman adalah ciri paling penting dan selamat untuk diikuti tetapi mereka tetap memilih jalan taghut sebagai penyelesaian masalah kehidupan mereka. Allah SWT bertanya, apakah rugi jika mereka itu beriman dengan erti sebenar, kerana sesungguhnya Allah tidak akan menzalimi hamba-Nya walau seberat zarah sekalipun. Bahkan Allah SWT dengan sifat rahmat dan kasih-Nya akan membalas setiap kebaikan itu dengan kebaikan yang berganda.

KESIMPULAN

Manusia sering mencari alasan untuk tidak beriman kepada Allah, dan manusia sering berdusta mengakui kebenaran Allah SWT. Tindakan mereka tetap memilih selain Allah SWT sebagai penyelesaian masalah adalah suatu pembohongan setelah mereka mengaku beriman. Sedangkan, sekiranya mereka benar-benar beriman, Allah menyediakan balasan yang besar tanpa sedikit pun yang tertinggal, sekali pun sebesar zarah.

SEMBAH SELAIN ALLAH ADALAH PALSU

Firman Allah SWT:

قُلْ أَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا
وَاللَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (Wahai Muhammad): Patutkah kamu menyembah sesuatu yang lain dari Allah yang tidak berkuasa memberi mudarat dan manfaat kepada kamu, padahal Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.”*
(al-Maidah: 76)

HURAIAN

Allah SWT mengecam golongan yang menjadikan makhluk sebagai tuhan sembah. Sesuatu sembah selain Allah SWT sama ada berupa manusia, binatang, matahari, bulan dan sebagainya tidak membawa apa-apa erti dan makna. Mereka tidak memberi mudarat dan manfaat.

Golongan yang menjadikan tuhan di kalangan manusia contohnya golongan Yahudi dan Kristian yang berpendirian bahawa al-Masih itu anak tuhan, Maryam itu isteri tuhan, adalah merupakan fahaman dan pegangan yang tidak boleh sama sekali diterima logik dan akal fikiran yang waras. Sikap dan sifat tuhan tidaklah sehina dan sejelek itu sehingga sanggup mengambil manusia sebagai kaum kerabat. Sedangkan Allahlah yang mempunyai segala sifat kesempurnaan, Dia Amat Mendengar dan mengetahui segalanya. Maka hanya Dialah yang sewajarnya disembah dengan sepenuhnya.

KESIMPULAN

Apa sahaja yang disembah oleh manusia selain Allah SWT adalah palsu belaka. Pengabdian hanya layak untuk Allah SWT. Dia Memberi Mudarat lagi Memberi Manfaat malah dia Maha Mendengar dan Mengetahui bagi segalanya.

SERUAN DAKWAH NABI-NABI SAMA

Firman Allah SWT:

قُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ
وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ
وَعِيسَىٰ وَمَا أُوتِيَ الَّذِينَ مِن رَّبِّهِمْ لَا تَفَرِّقُ بَيْنَ
أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَتَحَنُّنًا لِلَّهِ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾

Maksudnya: *“Katakanlah wahai orang-orang beriman): “Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang diturunkan kepada kami (al-Quran) dan kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan Nabi Ishak dan Nabi Ya’qub serta anak-anaknya, dan juga kepada apa yang diberikan kepada Nabi Musa (Taurat) dan Nabi Isa (Injil), dan kepada apa yang diberikan kepada Nabi-nabi daripada Tuhan mereka, kami tidak membezakan antara seseorang daripada mereka (sebagaimana yang kamu - Yahudi dan Nasrani - membeza-bezakannya); dan kami semua adalah Islam (berserah diri, tunduk taat) kepada Allah semata-mata.”*

(al-Baqarah: 136)

HURAIAN

Para nabi yang diutuskan Allah SWT adalah sama dari segi tujuan. Tiada perbezaan, semuanya datang daripada sumber wahyu Ilahi yang sama. Oleh itu al-Quran mewasiatkan agar menghormati semua nabi. Namun, ini tidaklah menghalangi setiap risalah baru

yang diturunkan oleh Allah SWT memansuhkan risalah-risalah sebelumnya dan al-Quran adalah penyempurnaan risalah-risalah samawi.

Setiap nabi datang membawa utusan dan risalah yang mengajak kepada tauhid kepada Allah SWT. Setelah datangnya Nabi Muhammad SAW, tidak diutuskan lagi nabi kerana kesempurnaan yang telah disampaikan menerusi al-Quran. Kemudian umat manusia ditugaskan untuk menyebarkan agama Islam hingga ke akhir zaman.

KESIMPULAN

Semua nabi adalah utusan Allah SWT. Tugas mereka adalah murni lagi mulia. Sebagai Muslim, kita wajib memuliakan mereka sebagai mana Allah SWT memuliakan mereka.

SESAT SESUDAH HIDAYAH

Firman Allah SWT:

سَأْرِيَهُمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ
أَنَّهُ الْحَقُّ أَوْ لَمْ يُكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: “Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?”

(Fussilat: 53)

HURAIAN

Ayat ini dengan jelas menyindir orang yang telah diberi hidayah dan petunjuk melalui kitab al-Quran, namun oleh kerana mereka terpedaya dan tertipu dengan godaan dunia, setelah mereka mengecapi nikmat dan tidak mahu bersyukur mereka kembali memilih jalan sesat dan terpesong.

Sesungguhnya manusia yang berada dalam syak wasangka akan kebenaran al-Quran tidak terlepas daripada pengetahuan Allah SWT. Orang yang sesat adalah orang yang jauh daripada rahmat dan inayah Allah SWT, sedangkan sekiranya mereka beriman dan mengakui kebenaran al-Quran maka itu adalah sebaik-baik pengajaran dan hikmah yang diperoleh. Rangkaian ayat di atas mengandungi ayat pertanyaan daripada Allah yang

menunjukkan cabaran kepada mereka yang sombong, kerana hakikatnya mereka tidak akan mampu mencabar Allah, kerana Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

KESIMPULAN

Al-Quran mesti diakui kebenarannya. Mengakui kebenarannya adalah sebahagian tanda-tanda iman yang sempurna. Berpaling daripada hidayah adalah perbuatan sia-sia, bahkan menempah azab Allah yang sangat pedih dan menyiksakan. Kebesaran dan tanda kekuasaan Allah sewajarnya menginsafkan kita menjadi hamba-Nya yang taat dan patuh dengan ikhlas dan jujur. Seburuk-buruk manusia adalah mereka yang memilih jalan sesat setelah Allah mengurniakan mereka dengan nikmat hidayah.

TANDA HARI KIAMAT

Firman Allah SWT:

فَأَرْقُبْ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُخَانٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾

Maksudnya: *“Oleh itu tunggulah (wahai Muhammad) semasa langit membawa asap kemarau yang jelas nyata (yang menyebabkan kebuluran yang dahsyat).”*

(ad-Dukhan: 10)

HURAIAN

Ayat ini merupakan peringatan tentang hadirnya satu hari iaitu hari-hari terakhir dunia ini yang disebut hari kiamat. Ulama berselisih pendapat apakah asap yang keluar itu merupakan tanda-tanda hampirnya hari kiamat? Inilah amaran Allah sebagaimana amaran-amaran yang lain tentang hadirnya hari kiamat. Apakah perasaan manusia ketika itu? Asap yang dimaksudkan di dalam ayat ini, adalah sebagai balasan kepada orang yang masih enggan beriman. Oleh itu, persiapan takwa adalah yang terbaik seorang insan terhadap Rabnya.

Keyakinan bahawa kebaikan pasti akan dibalas dengan kebaikan, dan kejahatan akan dibalas juga dengan kejahatan akan melahirkan rasa takut kepada Allah SWT. Hati yang takwa akan merasa gementar setiap kali ayat-ayat Allah dibacakan kepadanya terutama pada ayat-ayat yang berkaitan dengan balasan azab api neraka yang pedih lagi menyiksakan.

KESIMPULAN

Asap di dalam ayat di atas adalah sebagai salah satu tanda bahawa hari kiamat akan berlaku. Maka manusia perlu menyiapkan diri dengan bekalan, dan sebaik-baik bekalan adalah iman dan takwa

kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun, kejadian asap ini perlu diperhalusi bagi membezakan di antara asap ciptaan manusia yang memudartkan kesihatan kerana pembakaran dengan asap sebagai tanda benar hampirnya dunia dengan hari kiamat itu. Namun apa sahaja kemudartan yang berlaku sebenarnya adalah amaran supaya manusia tidak alpa kerana kematian juga merupakan kiamat kecil yang berlaku setiap detik dan waktu kepada manusia.

TERKORBAN MEMPERTAHANKAN AGAMA ADALAH SYUHADA

Firman Allah SWT:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أحيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾ فَرِحِينَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

Maksudnya: “Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki. (Dan juga) mereka bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudaranya) orang-orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka (iaitu) bahwa tidak ada kebimbangan (dari berlakunya) kejadian yang tidak baik terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

(Ali-Imran: 169 dan 170)

HURAIAN

Allah SWT memberitahu tentang orang-orang yang gugur di jalan Allah sebagai syuhada. Walaupun mereka telah mati dan jasad mereka telah terkubur di dunia yang fana ini, namun arwah mereka

tetap hidup di sisi Tuhan di alam lain yang bukan alam ini dan mereka mendapat kenikmatan dan rezeki.

Antara satu riwayat oleh Muhamad bin Jarir daripada Ishak bin Abi Talhah bahawa Anas bin Malik bercerita tentang beberapa sahabat Rasulullah SAW yang diutus oleh baginda ke Bir Ma'unah (nama suatu tempat). Setiba mereka di sebuah gua dekat tempat yang dituju, mereka bermesyuarat untuk menentukan siapakah di antara mereka yang akan mempelopori mendatangi penduduk Bir Ma'unah untuk menyampaikan dakwah Rasulullah. Pilihan yang dibuat terkena kepada Abu Mulhan dan beliau menyampaikan dakwah dengan mengajak beriman kepada Allah SWT. Tidak lama selepas itu seorang pemuda datang lalu memanahnya dengan tombak sehingga menusuk ke dadanya lalu dia gugur syahid. Ini diikuti dengan sahabat-sahabat yang lain.

KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, kita patut berbangga dengan kekuatan orang yang berjuang pada jalan Allah untuk menyebarkan agama Islam walaupun diri mereka terkorban. Semangat sebeginilah yang patut ada pada diri orang Islam dalam mengamal dan menyebarkan Islam, iaitu tidak gentar menghadapi ujian dalam menyebarkan agama Islam.

TIADA PAKSAAN DALAM BERAGAMA

Firman Allah SWT:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ
بِالطَّغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى
لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Maksudnya: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dan kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(al-Baqarah: 256)

HURAIAN

Ayat ini menyatakan bagaimana Allah SWT memuliakan manusia dan menghormati fikiran, perasaan dan kehendak mereka. Allah SWT menyerahkan kepada manusia untuk membuat keputusan terhadap perkara akidah sama ada memilih untuk beriman atau sebaliknya yang menentukan hidayah atau kesesatan serta mempertanggungjawabkan setiap amalan mereka.

Islam telah menggariskan dasar tiada paksaan dalam beragama, dan manusia dilarang sama sekali memaksa individu lain untuk memeluk agama yang suci ini kerana Allah SWT telah memberi kebebasan kepada hamba-Nya untuk memilih jalan hidup mereka. Namun begitu, Allah SWT telah menyatakan bahawa jalan yang

diredhai-Nya hanyalah dengan jalan keimanan, manakala jalan yang sesat dan tidak diredhai Allah ialah jalan kekafiran (taghut). Sebagai hamba Allah yang taat dan patuh, kita hendaklah mengikuti jalan yang diredhai-Nya, dan bukan mengikuti jalan kesesatan dan kekufuran, demi mendapatkan keredhaan dan keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

KESIMPULAN

Kebebasan iktiqad merupakan hak manusia yang diberi oleh Allah SWT yang menjelaskan kebebasannya sebagai seorang insan. Oleh itu, manusia tidak boleh dipaksa dan ditentukan haluan hidupnya, kerana sebagai seorang insan hanya individu itu sendiri yang berhak menentukan arah hidupnya berlandaskan ajaran agama yang diterima dan dianuti oleh mereka.

TIADA YANG DAPAT MENANDINGI ALLAH

Firman Allah SWT:

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَاكِرِينَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: *“Dan orang (Yahudi yang kafir) itupun merancangkan tipu daya (hendak membunuh Nabi Isa), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka); dan (ingatlah), Allah sebijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya.”*

(Ali-Imran: 54)

HURAIAN

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT dan amat berhajat kepada-Nya. Allah SWT yang menjadikan manusia, pastinya Dia lebih mengetahui batas kemampuan manusia dan kelemahannya. Orang kafir telah merancang melakukan tipu daya untuk membunuh Nabi Isa. Adalah sesuatu yang mustahil rancangan jahat mereka itu boleh berjaya. Justeru tiada seorang manusia pun boleh merasakan perancangan dan usahanya lebih baik dan bijak untuk melakukan kejahatan, sedangkan Allah SWT mampu membalas tipu daya jahat mereka.

Hakikatnya manusia akan tewas apabila berhadapan dengan ketentuan dan takdir Allah SWT. Sejarah membuktikan betapa goyah dan hancurnya segala perancangan jahat apabila ia berhadapan dengan jalan kebenaran seperti hancurnya tentera Firaun ketika melintasi Laut Merah dalam buruan untuk membunuh Nabi Musa AS dan pengikut-pengikutnya, gagalnya usaha membakar Nabi Ibrahim AS hidup-hidup, gagalnya cubaan

untuk membunuh dan menyalib Nabi Isa AS dan gagalnya cubaan untuk membunuh Nabi Muhammad SAW serta menghalang baginda daripada berhijrah ke Madinah.

Semua kejadian ini menunjukkan Allah SWT lebih berkuasa manakala usaha dan perancangan manusia adalah sia-sia dan tidak memberi sebarang manfaat, terutama apabila berlaku pertembungan antara hak dengan batil, jalan kebenaran dengan jalan kebinasaan. Justeru kita wajar berpihak kepada yang benar agar segala perancangan dan usaha kita dinaungi keberkatan dan rahmat Allah SWT. Sekiranya kita berada di pihak yang batil yang merancang ke arah kebinasaan dan kejahatan, nescaya usaha kita akan sia-sia dan gagal apabila bertembung dengan kebenaran.

KESIMPULAN

Pertembungan antara yang hak dengan yang batil, pada akhirnya akan memihak kepada yang hak lagi benar. Ini kerana ia mendapat bantuan dan naungan daripada Allah SWT yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana. Sesungguhnya manusia adalah makhluk yang lemah yang tidak berkuasa di atas kekuasaan dan kebijaksanaan Allah Azzawajalla.

TUBUH BADAN MENJADI SAKSI

Firman Allah SWT:

أَنْظُرْ كَيْفَ كَذَبُوا عَلَيَّ أَنْفُسِهِمْ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *“Lihatlah bagaimana mereka berdusta terhadap diri mereka sendiri, dan bagaimana hilang lenyapnya daripada mereka apa yang telah mereka adakan (sebagai sekutu Allah) itu.”*

(al-An’am: 24)

HURAIAN

Ayat ini menerangkan tentang keadaan orang kafir yang menyekutukan Allah selepas dibangkitkan di Padang Mahsyar kelak. Apabila tersepit mereka cuba beralih dengan berdusta bahawa mereka tidak mensyirikkan Allah setelah dikemukakan bukti yang terdiri daripada anggota tubuh badan mereka sendiri maka pendustaan mereka menjadi sia-sia dan hanya menipu diri sendiri. Bahan-bahan sembah dan sekutu mereka juga tidak dapat membantu, yang tinggal hanyalah penyesalan yang sia-sia dan tidak bermakna lagi.

Ini menunjukkan betapa Maha Adil dan Maha Berkuasa-Nya Allah SWT pada hari kebangkitan nanti. Tiada sesiapa yang boleh menipu Allah sebagaimana tiada sesiapa yang akan dizalimi-Nya. Yang penting, setiap insan akan bertanggungjawab di hadapan Allah SWT terhadap segala amal perbuatan dan tutur katanya ketika di dunia. Tiada gunanya sebarang dalih dan alasan kerana pembuktian daripada anggota tubuh badan sendiri tiada sesiapa yang dapat menahannya. Justeru kita perlu memperbetulkan amalan kita dan menjaga setiap gerak-geri dan tutur kata agar sentiasa bertepatan dengan kehendak syariat Islam.

Alangkah baik sekiranya segala anggota tubuh badan kita menjadi bukti ketaatan kepada Allah di Padang Mahsyar kelak daripada menjadi bukti atas kesyirikan, kemaksiatan dan kemungkaran kita terhadap Allah SWT. Sentiasa berhati-hati dan memastikan setiap tindakan serta amalan menepati suruhan dan perintah Allah SWT adalah bekalan terbaik sebelum bertemu Allah SWT pada hari kebangkitan.

KESIMPULAN

Tiada guna sebarang alasan dan dalih apabila berhadapan dengan pengadilan Allah SWT. Setiap anggota tubuh badan akan menjadi bukti kepada pembelaan atau penentangan ke atas diri kita. Sewajarnya kita menjaga segala tingkah laku dan tutur kata agar sentiasa menepati bekalan yang dapat membantu pada hari pengadilan Allah SWT.

UMAT ISLAM SEBAIK-BAIK UMAT

Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرَ الْأُمَّةِ الْمُؤْمِنِينَ وَأَكْثَرَهُمْ
الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: “Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah SWT (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya) tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik.”

(Ali-Imran: 110)

HURAIAN

Umat Islam merupakan sebaik-baik umat yang dijadikan oleh Allah SWT. Mereka diberikan kemuliaan dan keistimewaan selagi mereka tetap taat menjalankan tiga dasar yang utama iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada kejahatan serta beriman kepada Allah SWT dengan sebenar-benar iman. Adalah menjadi tanggungjawab bagi orang Islam untuk menyuruh orang lain khususnya yang berada di bawah tanggungannya untuk berbuat kebaikan dan menjauhi larangan Allah SWT. Tanggungjawab ini akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat. Dengan

itu umat Islam akan sentiasa berada di bawah kemuliaan dan kebaikan selagi mereka beriman kepada Allah SWT dengan keimanan yang sempurna.

Ada pun umat dan bangsa yang lain, merekalah umat yang terpesong daripada kebenaran iman. Mereka telah dipengaruhi oleh kejahatan dan kerosakan. Mereka tidak beriman dengan sebenar-benar iman kerana mereka beriman dengan sebahagian kitab tetapi kufur dengan sebahagian yang lain. Mereka beriman dengan sebahagian rasul seperti Musa dan Isa tetapi kufur kepada Nabi Muhammad SAW sedangkan mereka mengetahui kebenarannya. Mereka tidak juga menyuruh berbuat kebaikan atau melarang berbuat kejahatan kerana mereka sudah tenggelam di dalamnya.

Sebenarnya kalau mereka beriman dengan sepenuh keimanan, mereka akan beroleh ganjaran yang banyak di dunia dan di akhirat, berbanding apa yang mereka peroleh sekarang hanya keseronokan dunia semata-mata. Mereka hanya mahukan kemewahan dan kesenangan dunia dengan melakukan pelbagai kerosakan. Maka mereka itu sebenarnya golongan yang rugi dan akan dibalas dengan seksaan neraka di akhirat.

KESIMPULAN


Umat Islam akan kekal sebagai umat yang paling mulia dan istimewa selagi mereka beriman dengan sebenar-benarnya iman, dengan mengamalkan Islam secara menyeluruh dalam kehidupan dan menunaikan tanggungjawab amar maaruf dan nahi mungkar dalam kehidupan mereka.

HURAIAN

Sedekah yang diberikan adalah bertujuan untuk membantu keperluan umum bukan untuk membangga diri. Justeru sifat riyak hendaklah dijauhi, begitu juga pujian dan sanjungan dari orang ramai. Mengharapkan keredhaan Allah SWT adalah lebih bernilai dibandingkan dengan pujian yang diharapkan daripada manusia. Sedekah yang telah dihulurkan jangan sekali-kali diungkit-ungkit kepada si penerima sedekah atau cuba menyakiti hatinya, ini menyebabkan pahala sedekah akan menjadi rosak dan sia-sia sahaja. Allah SWT menyeru kepada orang yang beriman supaya mengambil pengajaran tentang kerugian yang dialami oleh orang kafir dan orang yang riyak iaitu mereka tidak akan mendapat sebarang pahala daripada perbuatan atau pemberian yang mereka lakukan.

KESIMPULAN

Setiap orang yang beriman hendaklah melakukan amalan dengan jujur dan ikhlas supaya amalan yang dilakukan mendapat keredhaan Allah. Jangan sekali-kali kita melakukan amalan dengan mengharapkan sanjungan daripada manusia, membanggakan diri, bersifat riyak dan suka pula mengungkit-ungkit pemberian yang sudah diberikan, ini semua akan merosak dan menghilangkan pahala amalan seseorang itu. Sedangkan Allah SWT hanya menerima dan memberi ganjaran pahala atas amalan yang dilakukan dengan jujur dan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.



ADAB MEMBERI DAN MENJAWAB SALAM

Firman Allah SWT:

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Maksudnya: *“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.”*
(an-Nisa’: 86)

HURAIAN

Islam telah membawa ucapan salam yang tersendiri yang membezakan masyarakat Islam daripada masyarakat yang lain. Ucapan salam ini merupakan antara ciri masyarakat Islam yang sangat unik, menarik dan tersendiri yang tidak akan larut atau hilang dalam ciri-ciri masyarakat yang lain. Perbuatan berbalas-

balas salam ini merupakan satu perbuatan yang amat mulia dalam Islam. Ucapan salam yang dilafazkan ketika berjumpa antara sesama Muslim sunat hukumnya, manakala orang yang menerima salam wajib menjawab salam tersebut.

Islam juga menganjurkan umatnya supaya sentiasa memberi salam ketika bertemu tanpa menetapkan hari atau masa yang khusus untuk memberi salam. Ringkasnya, ucapan salam itu boleh diucapkan pada bila-bila masa sahaja apabila bertemu antara sesama Muslim. Islam juga menyeru umatnya supaya menjawab salam dengan ungkapan yang lebih baik daripada orang yang memberi salam. Ungkapan yang lebih baik selalunya akan mudah mengikat hati yang keras menjalin persaudaraan yang ikhlas dan mesra ketika mewujudkan perkenalan di antara mereka yang belum kenal dan mengukuhkan lagi hubungan antara mereka yang telah sedia terjalin hubungannya.

KESIMPULAN

Islam menganjurkan umatnya memberi salam tatkala bertemu sesama mereka. Perbuatan itu walaupun sunat hukumnya tetapi amat mulia dan besar ganjaran pahalanya berbanding perbuatan menjawab salam yang hukumnya adalah wajib. Islam juga menggalakkan umatnya supaya menjawab ucapan salam dengan ungkapan yang lebih baik dan sempurna.

AKIBAT TIDAK MENSYUKURI NIKMAT ALLAH

Firman Allah SWT:

وَلَيْنِ أَذَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنَّا رَحْمَةً ثُمَّ نَزَعْنَاهَا مِنْهُ إِنَّهُ لَكَفُورٌ

Maksudnya: *“Dan demi sesungguhnya! jika Kami rasakan manusia sesuatu pemberian rahmat dari Kami kemudian kami tarik balik pemberian itu daripadanya, kedapatan dia sangat berputus asa, lagi sangat tidak bersyukur.”*

(Hud: 9)

HURAIAN

Allah SWT menjelaskan secara tepat sikap manusia yang gopoh dan lemah. Hanya hidup dalam detik-detik masa kini sahaja dan apabila dilanda sesuatu kesusahan ia lantas tidak teringat kepada detik-detik masa silam dan tidak dapat memikirkan masa hadapan.

Ia berputus asa daripada kebaikan dan tidak mengenang nikmat di masa silam sebaik sahaja nikmat itu hilang walaupun merupakan anugerah daripada Allah kepadanya. Ia menjadi begitu gembira apabila mendapat nikmat Allah dan merasa angkuh sebaik sahaja ia boleh mengatasi rintangan, mencapai kejayaan dan kesenangan. Sebaliknya ia tidak tahan menanggung kesusahan, tidak sanggup bersabar ketika menghadapi detik-detik kepayahan dan tidak sanggup menunggu detik-detik keselamatan.

Ia tidak tahu menjimatkan kegembiraan dan kemegahan apabila mendapat nikmat dan tidak tahu pula membuat perhitungan terhadap kemungkinan hilangnya nikmat-nikmat tersebut. Akhirnya apabila Allah SWT menarik balik nikmat

daripadanya, ia mula dilanda perasaan susah hati dan amat berputus asa kerana nikmat yang dirasai selama ini tidak disyukuri.

KESIMPULAN

Manusia memang mudah lupa daratan apabila diberi nikmat. Mereka juga selalu berputus asa dan kecewa apabila nikmat itu ditarik oleh Allah SWT. Mereka tidak berfikir semua pemberian dan kehilangan nikmat itu adalah ujian daripada Allah. Lantaran itu, kita hendaklah sentiasa bersyukur dan menggunakan sebaik mungkin nikmat yang diberi. Apabila ditimpa kesusahan dengan kehilangan harta dan segala yang disayangi hendaklah kita menyedari bahawa semua nikmat itu adalah ujian Allah SWT untuk menguji sejauh mana keimanan dan kesyukuran kita kepada-Nya.

ANAK SUATU ANUGERAH ALLAH SWT

Firman Allah SWT:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: *“Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati.”*

(an-Nahl: 58)

HURAIAN

Al-Quran telah menunjukkan gambaran tentang sikap buruk orang Arab Jahiliah yang apabila dikurniakan anak perempuan mereka merasa terlalu dukacita sehingga ternampak kemurungan di wajah masing-masing. Mereka memendam perasaan marah dan dukacita seolah-olah anak perempuan itu membawa kecelakaan kepada keluarga mereka. Anak perempuan juga adalah kurniaan Allah SWT seperti anak lelaki. Mengapa mereka berdukacita, sedangkan mereka sendiri tidak berkuasa untuk menentukan jantina anak di dalam rahim ibu, apatah lagi untuk meniupkan roh ke dalam janin.

Dengan hanya mengenangkan hayat seorang insan yang berkembang subur dengan keizinan Allah daripada setitis nutfah kepada seorang manusia sempurna sudah cukup untuk kita menyambut bayi yang lahir itu dengan penuh kegembiraan, walau apa pun jantainya. Oleh itu, tidak seharusnya orang yang disampaikan berita kelahiran anak perempuan itu menjadi dukacita dan menyembunyikan dirinya daripada orang ramai setelah menerima berita itu, sedangkan dia tidak pernah mencipta dan

membentuk rupa bayi itu, malah dia hanya merupakan alat kudrat Ilahi dalam proses kelahiran mukjizat yang gemilang itu.

Hikmat Allah dan peraturan hidup telah menentukan bahawa anak itu adalah terjadi daripada pasangan lelaki dan perempuan. Oleh itu, perempuan merupakan unsur utama di dalam peraturan hidup sama seperti lelaki juga, malah peranan perempuan lebih besar lagi kerana merupakan wadah perkembangan dan pertumbuhan bayi.

KESIMPULAN

Sebagai hamba yang lemah, kita hendaklah menerima anugerah Allah SWT sama ada anak lelaki mahupun perempuan. Kedua-duanya adalah anugerah Allah yang tidak ternilai. Anak lelaki atau perempuan masing-masing mempunyai peranan kerana tanpa kedua-duanya tidak akan wujud generasi manusia yang akan memakmurkan bumi ini. Bahkan peranan wanita itu sangat besar dalam menempatkan atau mengandung bayi sebelum ia menjadi seorang manusia sama ada ia lelaki atau perempuan. Oleh sebab itu sikap dukacita atau bimbang menerima kelahiran anak perempuan adalah cetusan sikap yang tidak bersyukur dengan segala bentuk pemberian Allah.

BEKERJASAMA DALAM URUSAN DAKWAH

Firman Allah SWT:

وَيَضِيقُ صَدْرِي وَلَا يَنْطَلِقُ لِسَانِي فَأَرْسِلْ إِلَىٰ هَارُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Dan akan sempit pula dadaku serta tidak lancar lidahku; oleh itu utuskanlah perintah-Mu kepada Harun (supaya ia membantuku).”

(al-Syu’ara: 13)

HURAIAN

Gerakan dakwah Islamiah telah lama wujud sejak mula terpancarnya nur Islam di muka bumi ini. Pelbagai cara atau kaedah digunakan untuk menarik perhatian manusia agar memeluk agama Islam yang sejati itu. Konsep kerjasama dan tolong-menolong amat penting dalam menjayakan usaha murni tersebut. Usaha mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan keburukan menjadi lebih rancak dan bersemangat sekiranya dilakukan secara beramai-ramai. Dengan itu segala cabaran, bebanan dan permasalahan yang timbul dapat dikongsi bersama.

Pendakwah tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai rintangan yang mencabar. Junjungan besar Nabi Muhammad SAW juga menghadapinya. Begitu juga nabi-nabi dan rasul-rasul terdahulu. Antaranya, Nabi Musa AS terpaksa meminta bantuan daripada saudaranya Nabi Harun AS dalam menghadapi tentangan Firaun serta golongan yang ingkar. Walau apa pun Allah SWT sentiasa bersama-sama dalam usaha melaksanakan penyebaran agama Islam ke seluruh pelosok dunia.

KESIMPULAN

Peranan dakwah amat penting dalam usaha memperjuang dan mempertahankan agama Islam yang suci. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk memastikan kejayaan itu. Oleh itu, lakukanlah gerakan dakwah menggunakan konsep kerjasama agar segala urusan menjadi lebih mudah dan membuahkan hasil yang lebih memberangsangkan.

ELAKKAN HATI MENJADI KERAS

Firman Allah SWT:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ
قَسْوَةً وَإِنْ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ وَإِنْ مِنْهَا
لَمَا يَسْقَى فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ وَإِنْ مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ
خَشْيَةِ اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

Maksudnya: “Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan.”

(al-Baqarah: 74)

HURAIAN

Ayat ini merupakan celaan Allah SWT terhadap sikap Bani Israel yang masih enggan menerima kebenaran sekalipun telah ditunjukkan bukti dan mukjizat. Allah SWT menyifatkan hati mereka lebih keras daripada batu, kerana sifat batu itu sendiri adalah pelbagai, walaupun keras ia masih mengalirkan air dari celah-celahnya ataupun jatuh dari tempat tinggi (bukit atau gunung) lantaran tunduk dan takut kepada Allah SWT. Justeru sebagai individu Muslim, kita wajar menerima hakikat kebenaran

sekalipun bertentangan dengan kepentingan diri dan hawa nafsu. Tanpa keikhlasan dan keterbukaan sebegini nescaya hati kita akan menjadi keras seumpama hati Bani Israel yang dinyatakan dalam ayat ini. Hati yang keras dan mati pastinya jauh daripada hidayah, rahmat dan keredaan Allah SWT.

Antara cara untuk melembutkan hati ialah dengan banyak membaca dan mendengar ayat-ayat suci al-Quran, mendengar nasihat dan pedoman, menambah amalan-amalan ibadat sunat dan merenung alam kejadian Tuhan. Insya-Allah, dengan melakukan pendekatan sebegini secara bersungguh-sungguh dan berterusan, hati kita akan disinari cahaya petunjuk, tenang tenteram, lembut dan bersifat lemah lembut dalam semua perkara.

KESIMPULAN

Enggan menerima kebenaran sekalipun ditunjukkan bukti adalah tanda hati menjadi keras dan mati. Setiap individu Muslim perlu melembutkan hati dengan bacaan al-Quran dan amal ibadat agar mudah menerima petunjuk dan rahmat daripada Allah SWT.

GANJARAN ATAS SETIAP AMALAN

Firman Allah SWT:

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوا بِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: *“Dan apa saja kebaikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat daripada mendapat pahalanya). Dan ingatlah, Allah SWT sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang bertakwa.”*

(Ali-Imran: 115)

HURAIAN

Setiap orang Islam yang melakukan kebajikan dan amalan soleh (termasuk juga golongan ahli kitab yang telah beriman dan taat kepada syariat Allah SWT akan diberi ganjaran pahala oleh Allah. Amalan ketaatan tersebut tidak menjadi sia-sia atau disekat daripada mendapat pahala walaupun amalan kebajikan tersebut terlalu kecil di sisi manusia umpama sebesar zarah sekalipun, kerana sifat Allah SWT yang Maha Adil dan Maha Mengetahui tentang hamba-Nya yang soleh dan bertakwa. Tidak ada suatu amalan yang dilakukan oleh seseorang tersembunyi daripada pengetahuan-Nya dan Allah SWT tidak mengabaikan ganjaran bagi sesuatu amalan kebajikan yang dilakukan oleh para hamba-Nya yang soleh.

Untuk itu, sebagai umat Islam kita patut sentiasa berusaha untuk menambahkan amalan kebajikan sebagai bekalan untuk menuju akhirat, kerana amalan kebajikan dan kebaikan sahaja yang akan menjadi pengukur kepada kita semasa berada di dunia. Pada masa itu, harta dan anak pinak tidak lagi berguna melainkan hati yang bersih dengan amalan soleh sahaja yang menjadi penyelamat.

KESIMPULAN

Umat Islam perlu sentiasa berusaha untuk menambahkan amalan kebajikan semasa diberi peluang hidup di dunia, kerana amalan kebajikan sahaja yang akan dinilai dan menjadi penyelamat untuk kita, dan amalan tersebut akan diberi pahala oleh Allah kerana Allah SWT Maha Mengetahui tentang hamba-Nya yang soleh dan bertakwa.

GEMBIRA DENGAN KESUSAHAN ORANG BUKAN SIFAT ORANG BERIMAN

Firman Allah SWT:

إِنْ تَمَسَّكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِنْ تُصِبْكُمْ سَيِّئَةٌ
 يَفْرَحُوا بِهَا وَإِنْ تَصِيرُوا أَتَقَوُّوا لَا يُضْرُّكُمْ كَيْدُ هُمْ شَيْئًا
 إِنْ أَلَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾

Maksudnya: “Kalau kamu beroleh kebaikan (kemakmuran dan kemenangan), maka yang demikian menyakitkan hati mereka; dan jika kamu ditimpa bencana, mereka bergembira dengannya. Dan kalau kamu sabar dan bertakwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikit pun. Sesungguhnya Allah SWT meliputi pengetahuan-Nya akan apa yang mereka lakukan.”

(Ali-Imran: 120)

HURAIAN

Allah SWT menjelaskan tentang keadaan dan sikap orang yang tidak beriman yang terdiri daripada Yahudi, Nasrani dan munafik yang memusuhi orang-orang yang beriman. Apabila orang-orang Mukmin mendapat nikmat atau kebaikan seperti kemenangan dan kekayaan maka ia akan membuatkan orang kafir sakit hati dan gelisah. Namun apabila orang-orang Mukmin ditimpa bencana seperti kekalahan dan kesusahan mereka akan seronok dan gembira. Ini kerana mereka sentiasa iri hati dan dengki terhadap kesenangan orang Mukmin dan sentiasa merancang untuk kesusahan orang Mukmin.

Namun Allah SWT telah memberikan penawar yang berkesan kepada orang yang beriman dengan menyelamatkan mereka daripada kejahatan musuh melalui kesabaran, ketakwaan dan bertawakkal kepada Allah SWT yang Maha Berkuasa mengawasi musuh kerana semua perkara berada di bawah kehendak dan kekuasaan Allah SWT.

Oleh itu, apabila seseorang bersabar menunaikan setiap suruhan syariat seperti solat, puasa dan sebagainya dan bertakwa (takut) daripada segala larangan Allah SWT, maka segala rancangan musuh (orang kafir) tidak akan berjaya dan tidak akan memberi sebarang kesan kerana sabar dan takwa merupakan syarat kejayaan mengalahkan musuh.

KESIMPULAN

Musuh Islam sentiasa merancang untuk memperdayakan orang beriman agar terpesong dari landasan agama. Mereka akan gelisah apabila orang Islam mendapat kesenangan dan bergembira apabila orang Islam ditimpa kesusahan dan bencana. Dengan itu kita perlu sentiasa bersabar dan bertakwa untuk menghadapi musuh kerana dengan sifat tersebut, semua rancangan musuh tidak akan berjaya.

HASAD DENGKI MEMBAWA PEMBUNUHAN

Firman Allah SWT:

لَهُ نَفْسُهُ قَتَلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ فَطَوَّعَتْ
مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Lalu hatinya tergamak membunuh saudaranya, maka jadilah dia dari kalangan orang-orang yang rugi.”

(al-Maidah: 30)

HURAIAN

Kisah ini adalah peristiwa pembunuhan Qabil terhadap Habil yang digambarkan dalam al-Quran, ayat sebelumnya mendedahkan kisah yang panjang tentang dua putera Adam (Qabil dan Habil), suatu kisah yang mendedahkan tabiat jenayah dan motif-motifnya di dalam jiwa manusia di samping mendedahkan kesan buruk daripada peristiwa pembunuhan tersebut.

Qabil diperingatkan berulang kali agar jangan membunuh Habil, namun Qabil terus jua membunuh saudaranya Habil tanpa mempedulikan nasihat dan peringatan yang diberikan. Syaitan dan nafsu serakah menguasainya lalu membunuh Habil tanpa belas kasihan. Qabil berasa dirinya amat rugi dengan perbuatannya, dia terperangkap dalam dilema dan krisis jiwa yang amat dahsyat. Apakah tidak, saudaranya yang selama ini menjadi temannya, seorang penolong setianya, yang suatu masa dahulu sentiasa bersamanya di kala senang dan susah, kini sudah tiada lagi. Tiada bukan kerana sebab lain, tetapi hanya kerana perbuatannya yang durjana itu. Dia menyesal, dia merintih, merayu dan runsing di atas kejahatan yang dilakukan.

Inilah paparan kisah pengajaran yang perlu dijadikan iktibar, sikap yang jahat akan sememangnya meninggalkan kesan yang amat buruk. Kerunsingan fikiran, keresahan jiwa dan pergolakan dalaman yang amat dahsyat seperti yang dirasai oleh Qabil dan kes pembunuhan terhadap Habil.

KESIMPULAN

Dewasa ini antara punca perbuatan bunuh yang dilaporkan akhbar adalah hasad dengki. Perbuatan bunuh adalah perbuatan yang kejam yang amat dilarang oleh Islam. Islam mengharamkan perbuatan tersebut kerana kesannya bukan sahaja dirasai kepada diri sendiri, tetapi terhadap orang lain, persekitarannya dan keluarganya. Oleh yang demikian, berusaha untuk cuba menyucikan diri dan perasaan hasad dengki yang timbul dari dalam hati dengan memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT serta menerima takdir daripada Allah SWT seadanya.

HINDARI SIFAT KHIANAT

Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
ثُمَّ تَوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah patut bagi seseorang Nabi itu (disangkakan) berkhianat (menggelopkan harta rampasan perang), dan sesiapa yang berkhianat (menggelopkan sesuatu) ia akan bawa bersama pada hari kiamat kelak apa yang dikhianatinya itu; Kemudian tiap-tiap seseorang akan disempurnakan (balasan bagi) apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak akan dikurangkan sedikitpun (balasannya)”

(Ali-Imran: 161)

HURAIAN

Dalam usaha membangunkan modal insan, masyarakat berkualiti menjadi agenda utama yang perlu diberi perhatian serius. Masyarakat berkualiti mempunyai akhlak yang mulia. Antaranya ialah amanah, jujur, tulus dan adil. Sikap ini perlu diterjemahkan dalam bentuk amalan harian sebagaimana Rasulullah SAW sepanjang kehidupannya.

Ayat ini menyangkal syak wasangka terhadap baginda SAW mengenai perbuatan khianat menggelopkan harta rampasan perang. Islam agama yang sempurna tidak akan membiarkan umatnya dalam keadaan terumbang-ambing. Apa yang dilakukan oleh manusia ketika hidup akan dipertanggungjawabkan pada hari akhirat kelak dan manusia akan mendapat balasan yang setimpal dengan perbuatannya di dunia. Allah SWT akan membalas setiap

perbuatan itu mengikut apa yang telah dilakukan oleh umat itu. Oleh itu berusahalah menjadi umat yang terbaik dalam kehidupan, hindarilah perbuatan khianat kerana perbuatan ini merugikan hidup manusia.

KESIMPULAN

Jadilah umat yang terbaik dalam semua perkara, akhlak yang baik menjamin masa depan yang gemilang, sebaliknya akhlak yang buruk akan membawa kehancuran. Sekiranya diberi amanah maka hendaklah menjaga amanah itu dengan sebaiknya jangan sekali-kali mengkhianati amanah yang telah diberikan khususnya dalam lapangan pekerjaan.

ISLAM AGAMA PERDAMAIAN

Firman Allah SWT:

وَأَنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاِجْتَمِعْ لَهُا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

Maksudnya: *“Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Ia Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui.”*

(al-Anfal: 61)

HURAIAN

Islam adalah agama perdamaian dan kesejahteraan. Umat Islam diseru supaya bersatu dan hidup dengan aman tanpa membezakan darjat, warna kulit serta keturunan. Mereka juga digesa menjalinkan hubungan baik dengan non-Muslim lain demi menjaga kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Walau bagaimanapun, ada ketikanya peperangan tidak dapat dielakkan. Apabila keadaan terdesak akibat diserang oleh pihak musuh maka umat Islam perlu berjuang di medan perang demi mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara. Tetapi, sekiranya pihak musuh mengalah dan mahukan perdamaian, maka Islam menganjurkan supaya kita mengambil salam perdamaian itu.

Permusuhan berpanjangan hanya akan merugikan kedua-dua belah pihak. Begitu juga peperangan serta pertumpahan darah yang berlaku hanya mendatangkan kemusnahan kepada manusia. Oleh itu, perdamaian adalah jalan terbaik. Seseorang Islam yang baik bukanlah setakat melakukan kebaikan untuk dirinya sahaja, tetapi

juga berusaha memperbaiki keadaan orang lain. Justeru perdamaian dengan musuh akan mendatangkan kebaikan kepada masyarakat seluruhnya. Selebihnya, kita hendaklah menyerahkan ketentuan kepada Allah SWT dengan berdoa dan bertawakal kepada-Nya.

KESIMPULAN

Perselisihan dan pertelingkahan antara dua belah pihak yang bermusuhan boleh membawa ke kancah peperangan. Sekiranya peperangan berlaku, tetapi selepas itu pihak musuh minta untuk berdamai dengan menghentikan peperangan, kita hendaklah menyambutnya dengan baik, kerana Islam menggalakkan perdamaian dan kesejahteraan sejagat.

ISLAM MEMULIAKAN KAUM HAWA

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهًا
وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَاءِ أَيْتِمُوهُنَّ إِلَّا
أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبِينَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ
فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ
فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian daripada apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).”

(an-Nisa’: 19)

HURAIAN

Islam mengharamkan perbuatan mewarisi perempuan seperti mewarisi barang-barang dan binatang-binatang, begitu juga Islam mengharamkan perbuatan menyusahkan dan menyakitkan perempuan untuk memudharatkannya, kecuali jika ia melakukan perbuatan yang keji.

Islam memberi kebebasan kepada perempuan di dalam memilih teman hidupnya dari awal, iaitu sama ada dara atau janda, sama ada yang ditalak atau yang kematian suaminya. Islam juga menyeru kepada kaum lelaki supaya tidak mudah terburu-buru emosi mengambil keputusan memutuskan hubungan suami isteri sekiranya terjadi sesuatu perbalahan dan persengketaan suami isteri. Apabila berlaku keadaan sedemikian, suami hendaklah berusaha mengawal kemarahan dan kebencian yang memuncak. Sesungguhnya orang-orang yang bersabar itu amat besar pahalanya di sisi Allah SWT.

Allah SWT memerintah setiap suami menjaga kebajikan isteri masing-masing dengan baik, melayan isteri dengan penuh kemesraan dan kasih sayang, mendidik isteri dengan penuh hikmah, seterusnya memperlakukan mereka sebagaimana layaknya seorang insan.

KESIMPULAN

Islam mengangkat martabat kaum wanita di tempat yang tinggi yang selayaknya mengikut fitrah kejadian dan penciptaan mereka oleh Allah SWT. Golongan suami hendaklah menghormati isteri-isteri mereka dan melayan mereka dengan penuh kemesraan dan kasih sayang. Sesungguhnya peranan seorang isteri amat penting dalam sesebuah rumah tangga, oleh itu muliakan dan hormatilah kaum hawa seperti yang sepatutnya.

ISLAM TIDAK MEMBEBANKAN

Firman Allah SWT:

فَسَيَسِّرُ اللَّهُ لِيُسْرَىٰ

Maksudnya: “Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapatkan kesenangan (Syurga).”

(al-Lail: 7)

HURAIAN

Islam sebagai agama yang syumul amat menitikberatkan keperluan dan kebajikan umatnya. Ajaran yang terkandung di dalamnya mudah dan tidak membebankan penganutnya untuk memahami dan mengamalkannya. Kita sebagai orang Islam perlu patuh dan menurut segala suruhan dan menjauhi larangan-Nya untuk mendapatkan kesenangan yang kekal abadi di akhirat nanti. Bagi mereka yang sentiasa redha dan ikhlas pula begitu merasai ketenangan walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran dalam menegakkan agama Allah SWT itu.

Tiada kepayahan, kesusahan dan kesukaran dalam beribadat. Allah SWT telah memfardhukan ibadat dalam keadaan mudah bagi meringankan umatnya dan bersesuaian pula dengan keupayaan kita sebagai manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud, ...

“Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.” (al-Baqarah: 185)

Pelbagai kemudahan diberikan, antaranya dengan mengadakan rukhsah dan kafarah bagi mereka yang tidak upaya untuk mengamalkannya. Contohnya, mereka yang tidak mampu

berwudhuk kerana faktor-faktor tertentu dibolehkan bertayammum. Begitu juga mereka yang bermusafir dibenarkan menunaikan solat secara jamak dan qasar untuk meringankan bebanan mereka.

KESIMPULAN

Sesetengah pihak masih beranggapan Islam itu membebankan. Tohmahan sedemikian adalah tidak benar kerana ajaran Islam begitu mudah diikuti dan diamalkan. Ia terpulang kepada kita untuk mengusahakannya. Sekiranya kita memilih jalan ketakwaan dan meninggalkan larangan-Nya, insya-Allah kita mendapat kemudahan untuk sampai ke syurga. Begitulah juga sebaliknya jika kita memilih jalan kesesatan dan kehancuran.

JADILAH ORANG YANG MENEGAK KEADILAN

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓيَ ۙ اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ
اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى وَاَتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا
تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(al-Maidah: 8)

HURAIAN

Menegakkan keadilan dan kebenaran adalah ciri-ciri orang yang beriman. Inilah merupakan ikatan perjanjian yang telah diikat Allah SWT dengan manusia Muslim. Allah SWT memerintahkan kita agar bersikap adil dalam membuat pertimbangan dan hukuman. Jangan sekali-kali atas sentimen kasih dan benci kita membuat pertimbangan yang salah dengan tidak menegakkan keadilan.

Larangan tegas ini diingatkan oleh Allah SWT kepada orang-orang yang beriman seperti mana yang berlaku ke atas Muslimin lantaran sikap ingin membalas dendam dan marah terhadap kaum Musyrikin Mekah yang telah menghalang mereka memasuki Masjidil Haram.

Sikap adil dalam membuat pertimbangan dan hukuman, arahan dan pelaksanaan adalah manifestasi takwa yang tinggi. Keadilan adalah lambang ketakwaan dan martabat diri yang mulia dan Allah SWT amat mengetahui sikap dan pendirian seseorang dalam membuat pertimbangan dan pelaksanaan.

KESIMPULAN

Jiwa manusia tidak dapat mendaki kemuncak pengawalan perasaan khusus dalam membuat pertimbangan dan hukuman melainkan jiwa tersebut berinteraksi secara langsung dengan Allah bukannya kerana sesuatu tujuan yang lain. Orang yang bertakwa meletakkan neraca pertimbangannya menurut kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya dan tidak berdasarkan hawa nafsu dan keinginan-keinginan yang lain.

JANGAN TERTIPU DENGAN KEHIDUPAN DI DUNIA

Firman Allah SWT:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلْآخِرَةُ
خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: *“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?”*

(al-An’am: 32)

HURAIAN

Ayat ini menjelaskan nilai kehidupan dunia hanyalah satu permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan. Ia bukan kebahagiaan yang hakiki. Sebagai seorang Muslim kita perlu sedar bahawa dunia ini adalah medan untuk beramal ibadah yang hasilnya diperoleh di akhirat kelak. Bertepatan dengan tujuan kita dijadikan oleh Allah SWT ialah untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Justeru jangan sekali-kali kita leka dengan kehidupan dunia sehingga sanggup mengabaikan perintah Allah dan melakukan perbuatan yang dilarang.

Ayat ini juga menggambarkan salah satu ciri-ciri orang yang bertakwa iaitu mengutamakan kehidupan akhirat yang berupa ganjaran syurga daripada tenggelam dengan keseronokan dunia yang bersifat sementara, sia-sia dan melalaikan. Hakikatnya dunia adalah jambatan menuju kehidupan yang abadi di akhirat. Amatlah rugi mereka yang mengejar habuan dunia, asyik dengan permainan

hiburan dan maksiat sehingga lupa antara halal atau haram, yang disuruh dan yang dilarang.

Golongan yang ingin meningkatkan ketakwaan kepada Allah perlulah mengawal diri agar tidak dilalaikan dengan keseronokan kehidupan dunia. Segala nikmat yang diperoleh semasa hidup wajar digunakan ke arah memperbanyakkan amal-amal kebajikan dan pengabdian kepada Allah. Kita perlu ingat bahawa habuan dunia hanyalah wasilah mencapai kebahagiaan yang hakiki dalam kehidupan akhirat yang abadi.

KESIMPULAN

Keseronokan dunia adalah sesuatu yang sia-sia dan melalaikan segala nikmat kehidupan dunia perlulah menjurus kepada pengabdian yang mutlak kepada Allah. Orang yang lebih takwa lebih mengutamakan kehidupan akhirat yang abadi daripada digadaikan kepada keseronokan dunia yang bersifat sementara, sia-sia dan melalaikan. Sesungguhnya kehidupan dunia adalah jambatan dan wasilah bagi mencapai kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat.

KECUALIAN BOLEH MEMBAWA KEPADA KEHANCURAN

Firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُمْ بِهِ ۗ
وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ۝

Maksudnya: *“Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan kerana memberi khabar gembira kepada kamu, dan supaya hati kamu tenteram dengan bantuan itu. Dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya daripada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”*

(Ali-Imran: 126)

HURAIAN

Ayat ini menerangkan bahawa Allah SWT telah memberi bantuan dan pertolongan kepada tentera Muslimin di dalam peperangan Uhud sehingga memperoleh kemenangan pada peringkat awalnya. Kemenangan awal ini dicapai kerana Allah SWT telah mengutuskan bantuan tentera-tentera-Nya yang terdiri daripada kalangan malaikat utusan Allah bagi membantu tentera Muslimin. Walau bagaimanapun, keadaan sebaliknya berlaku apabila sifat tamak dan haloba pada harta rampasan menyebabkan kebanyakan tentera Muslimin terpesona dan terpedaya dengan timbunan harta tersebut sehingga mereka meninggalkan barisan pertahanan masing-masing untuk berebutkan harta yang banyak itu.

Akibatnya, mereka diserang kembali oleh tentera Quraisy ketika mereka sedang alpa dan leka. Akhirnya kaum Muslimin menerima kekalahan yang teruk dalam peperangan Uhud. Jika

kekalahan di medan perang di tangan tentera Quraisy amat menyakitkan, apalagi kekalahan dari segi spiritual yang amat memalukan seluruh kaum Muslimin. Kekalahan ini secara tidak langsung telah mencalar imej Islam di mata musuh. Ketaksuban dan ketamakan tentera Islam dalam berebutkan harta perang amat meninggalkan kesan tragis dan memalukan. Kerana harta manusia menjadi lupa diri, kerana harta tentera Muslimin tewas di tangan kafir Quraisy, kerana tamakkan harta juga imej Islam tercalar dan terhina.

KESIMPULAN

Kita hendaklah sentiasa sederhana dalam segala hal, sentiasa bersyukur atas kenikmatan yang diperoleh, selalu rela, redha dan bersedia mengorbankan bukan sahaja jiwa raga bahkan harta dalam menggalakkan perjuangan Islam yang suci. Segala sifat mazmumah termasuk sifat tamak haloba perlu dijaui kerana inilah antara faktor yang menjadi punca kejatuhan, kehancuran dan kebinasaan hidup kita.

KEINDAHAN SABAR

Firman Allah SWT:

وَأَنْ عَاقِبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوِقْتُمْ بِهِ ۖ وَإِنَّ صَبْرَكُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِلصَّابِرِينَ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang yang sabar.”

(an-Nahl: 126)

HURAIAN

Sifat sabar dalam menghadapi kesempitan, kesusahan dan penderitaan berfungsi mendidik, mengasuh dan menyediakan jiwa manusia supaya tidak hilang semangat setiap kali ditimpa kesusahan dan rebah serta cemas ketika dalam kesempitan. Itulah sifat tabah, gigih dan teguh sehingga dirasakan malapetaka bertukar menjadi manis.

Sikap sabar dan memaafkan perbuatan orang yang suka menyakiti kita adalah satu sifat yang mulia kerana sikap ini boleh membentuk pihak yang satu lagi ke arah kebaikan. Allah menghendaki kebaikan terhadap hamba-Nya kerana jalan itu sentiasa terbentang luas. Allah telah meletakkan asas dan landasannya maka terserah kepada manusia sendiri untuk memilih jalannya, kerana manusia telah dikurniakan akal untuk berfikir dan tenaga untuk berusaha.

KESIMPULAN

Sifat sabar dan suka memaafkan kesilapan orang lain adalah sikap yang baik daripada sikap membalas balik perbuatan tersebut. Sikap sabar mampu membawa keamanan dan keharmonian manusia sejagat.

KEPENTINGAN SIFAT ADIL DALAM KEHIDUPAN

Firman Allah SWT:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَمِينِ فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ
لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَشْنَىٰ وَتِلْكَ أَرْبَعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةٌ
أَوْ مَمْلُوكَاتٍ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٣﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain); dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.”

(an-Nisa': 3)


HURAIAN

Islam adalah suatu agama yang adil dan saksama dalam pelbagai aspek dan bidang. Keadilan dan kesaksamaan itu meliputi juga aspek perkahwinan. Allah SWT telah menggariskan panduan dan pedoman yang amat sempurna dalam perkahwinan untuk dijadikan panduan dan ikutan umat manusia. Garis panduan Islam dalam hal perkahwinan bermula daripada soal memilih calon isteri lagi. Apabila tepat pilihan calon isteri, maka rumah tangga akan berkekalan ke akhir hayat.

Islam juga membenarkan seorang lelaki Muslim berkahwin lebih daripada seorang, bahkan dua, tiga sehingga empat orang. Namun begitu, Allah SWT menegaskan keadaan ini hanya boleh dilaksanakan oleh mereka yang mampu dari segi material dan spiritual. Sekiranya seseorang itu tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap perkahwinan-perkahwinan mereka, maka Islam menganjurkan berkahwin dengan seorang isteri sahaja dan mengelakkan poligami kerana balasan bagi suami yang tidak dapat berlaku adil adalah amat pedih.

KESIMPULAN

Syariat Islam dalam perkahwinan amat suci dan mulia untuk dijadikan panduan dan contoh ikutan. Oleh itu berbahagialah bagi sesiapa yang mengikuti syariat Islam yang syumul ini. Demi kesempurnaan dan kecemerlangan hidup, umat Islam disarankan untuk sentiasa mengamalkan kesederhanaan dan berlaku adil dalam semua perkara dan keadaan.



KEWAJIPAN BERDAKWAH DAN MEMPERTAHANKAN KEBENARAN

Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ
تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ
إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: "Wahai Rasul, sampaikanlah segala apa yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu itu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna engkau tidak menyampaikan perutusan-Nya dan Allah sentiasa melindungi engkau daripada (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang kafir."

(al-Maidah: 67)

HURAIAN

Allah SWT telah menyeru Rasulullah SAW dan memerintah baginda menyampaikan segala apa yang diturunkan Allah SWT kepada baginda tanpa menyembunyikannya. Dengan lain perkataan, Allah SWT menyuruh baginda menyampaikan wahyu dan ajaran dengan bersikap tegas dan bersungguh-sungguh kepada manusia.

Ajaran Islam sama ada berbentuk akidah mesti dinyatakan kepada manusia sungguhpun orang tidak mahu menerimanya atau bersikap benci kepadanya. Kebenaran mesti disampaikan dengan apa jua cara yang paling baik. Sama ada orang terima atau tidak itu bukanlah urusan penyampai. Ia merupakan satu mesej kepada

Nabi ketika berdepan dengan Ahli Kitab dan puak Yahudi supaya bersikap berani dan tegas, istiqamah dan bersungguh-sungguh menyempurnakan tanggungjawab menyampaikan kebenaran Islam kepada mereka. Nabi diperintah menyatakan kekufuran orang-orang Yahudi, kepalsuan pegangan dan ideologi mereka.

Berdepan dengan golongan yang tidak suka kepada kebenaran mestilah dihadapi dengan tegas dan berani, konsisten dan istiqamah. Janganlah kerana ingin meraikan suasana dan realiti semasa, kita berdolak-dalik untuk menyatakan kebenaran.

KESIMPULAN

Tugas mulia yang dibawa oleh Rasulullah SAW mestilah dipikul oleh generasi berikutnya dalam menyampaikan dakwah dan seruan kebenaran. Untuk berjaya dalam urusan dakwah, janganlah kita berdolak-dalik atau berpura-pura dan bersikap sambil lewa kerana sikap sedemikian tidak memberi apa-apa manfaat.



LARANGAN MENCELA DAN MENGEJI

Firman Allah SWT:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ
اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: “Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(an-Nisa’: 148)

HURAIAN

Umat Islam dilarang mengeluarkan perkataan-perkataan yang buruk, celaan dan kejian secara terbuka di dalam masyarakat. Perkataan keji sebegini memberi kesan negatif kepada keharmonian dan perpaduan, selain mencemar akhlak mulia dan budaya murni. Sikap buruk ini jika dibiarkan boleh merebak menjadi fitnah seterusnya bukan sahaja memberi kesan buruk kepada individu yang dimaksudkan bahkan kepada masyarakat seluruhnya termasuk mereka yang tidak bersalah. Ini menunjukkan Islam amat menitikberatkan keharmonian hidup masyarakat dan menolak sebarang anasir yang boleh menggugat keamanan dan kedamaian.

Sungguhpun demikian, terdapat beberapa pengecualian demi menegakkan keadilan dalam masyarakat. Bagi individu yang jelas teraniaya maka Islam membenarkannya meluahkan perkataan-perkataan celaan yang keji secara terang-terangan terhadap orang yang menganiayanya. Islam membenarkan kerana ia merupakan

perbuatan membela diri daripada penganiayaan, menolak pencabulan, membalas keburukan dengan seumpamanya dan mendedahkan keburukan penganiayanya agar diberi hukuman yang setimpal di sisi undang-undang. Walaupun Islam menjaga nama baik setiap insan, namun apabila dia melakukan penganiayaan maka perlindungan ini terbatal dan dia wajar menerima pendedahan terhadap perbuatan jahatnya. Yang penting, kewajaran dan pengecualian yang diberikan Islam ini adalah bermatlamatkan keadilan dan kesaksamaan, bukannya semata-mata untuk membalas dendam dan memburuk-burukkan seseorang.

KESIMPULAN

Mengeluarkan perkataan celaan, cacian dan kejian adalah dilarang oleh Islam demi menjaga kehormonian hidup masyarakat. Bagi mangsa penganiayaan, larangan ini dikecualikan demi mencapai keadilan dan pembelaan di sisi undang-undang. Mereka yang sengaja melakukan penganiayaan tidak akan mendapat perlindungan Islam, sebaliknya akan dikenakan hukuman yang setimpal sebagaimana yang ditetapkan di dalam syariat Islam.



MEMBINA MODAL INSAN

Firman Allah SWT:

وَلَوْ طَّا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَجِشَّةَ مَا سَبَقَكُمْ
بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

Maksudnya: “Dan Nabi Lut juga (kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya, “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?”

(al-A'raf : 80)

HURAIAN

Al-Quran menjelaskan bagaimana gejala lesbian dan homoseksual yang pernah berlaku di zaman Nabi Lut AS adalah amalan yang dilaknat oleh Allah SWT. Gejala sedemikian adalah bencana dan malapetaka yang mesti dihindari oleh setiap individu dan masyarakat sesebuah bangsa.

Masyarakat yang bertamadun, berilmu dan beriman sewajarnya memelihara generasi mereka daripada terjerumus ke lembah kehinaan sebagaimana yang disampaikan dalam ayat ini. Ancaman gejala seks bebas adalah barah yang sedang merebak yang hanya menunggu masa untuk mencabut nyawa kemanusiaan daripada diri yang telah rosak nilai iman dan akhlaknya. Peristiwa Allah SWT melaknat kaum Nabi Lut dengan menenggelamkan mereka adalah petanda wajah kebencian Allah SWT terhadap perlakuan dosa dan noda yang telah dilakukan selama ini.

KESIMPULAN

Gejala sosial seperti pelacuran, perzinaan serta menyukai kaum sejenis seperti lesbian dan homoseks adalah musibah dan bencana paling tragis yang telah melenyapkan nilai akhlak manusia. Gejala sosial dapat dihindari dengan menitik beratkan soal pendidikan Islam ke dalam diri generasi kita. Hanya pendidikan Islam yang kukuh sahaja mampu menjadi benteng paling ampuh daripada segala ancaman dan gejala yang buruk ini. Kecemerlangan bangsa hari esok bergantung kepada nilai akhlak, moral dan jati diri generasi hari ini.



MELAKUKAN DOSA MENGUNDANG KEBINASAAN

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ رَأَوْا كَمَا أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ
مَا لَمْ نُمَكِّنْ لَهُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا
ءَاخَرِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “*Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat-umat yang telah kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat-umat itu) telah kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak kami berikan kepada kamu. Dan kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka. Kemudian kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri dan kami ciptakan sesudah mereka umat yang lain?*”

(al-An’am: 6)

HURAIAN

Ayat ini mengajak manusia supaya menumpukan perhatian dan memikirkan semula sejarah umat-umat terdahulu yang Allah SWT kurniakan kedudukan, kekuatan dan kekuasaan. Allah SWT juga menyediakan rezeki yang melimpah ruah, menurunkan hujan yang dapat menyuburkan tanaman dan pelbagai nikmat kehidupan. Tetapi malangnya umat-umat terdahulu lupa tentang kurniaan itu adalah untuk menduga dan menguji mereka.

Apa yang berlaku ialah mereka telah melanggar perintah Allah, lalu Allah SWT membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Selanjutnya Allah SWT menjadikan pula umat yang lain menggantikan tempat dan mewarisi bumi ini silih berganti. Allah SWT membinasakan umat-umat terdahulu dengan azab siksaan disebabkan keingkaran dan melanggar suruhan Ilahi.

Antara bentuk-bentuk azab dan siksaan yang dikenakan pada umat terdahulu ialah kemarau berpanjangan, banjir yang besar, kematian, peperangan, penindasan, gempa bumi dan hidup dalam keadaan kacau bilau sehingga habis binasa. Dalam hal ini al-Quran sengaja menarik perhatian dan pandangan mengenai peristiwa kebinasaan untuk menyedarkan manusia bahawa perbuatan mereka yang menyebabkan dosa-dosa yang dilakukan akan mengundang kebinasaan seluruh umat manusia. Manusia tidak akan terlepas apabila ia melakukan kesalahan dan dosa dan pasti menerima balasan azab daripada Tuhan, kerana ia merupakan sunnatullah yang tetap akan berlaku sekalipun tidak dapat dilihat.

KESIMPULAN

Umat Islam hari ini perlu mengambil iktibar daripada sejarah lampau bahawa segala yang diperintahkan oleh Allah SWT wajib ditaati dan nikmat Allah hendaklah disyukuri, kerana Allah yang berkuasa menjadikan sesuatu. Janji Allah SWT terhadap pelaku dosa adalah pasti. Kita perlu sedar kemungkaran dan keingkaran mematuhi perintah Allah SWT akan mengundang kebinasaan.



MEMBERI KEMAAFAN

Firman Allah SWT:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ
وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ
وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُ
وَمَن لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “Dan Kami telah tetapkan atas mereka di dalam Kitab Taurat itu, bahwa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya, dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

(al-Maidah: 45)

HURAIAN

Seseorang yang melakukan jenayah terhadap orang lain telah ditetapkan hukumannya sama seperti apa yang dilakukan ke atas mangsa. Perbuatan bunuh dibalas dengan bunuh. Begitu juga perbuatan mencederakan anggota badan seperti tangan, mata, telinga dan seumpamanya, akan dibalas serupa. Hukuman ini adalah setimpal dengan perbuatan mereka di samping bertujuan untuk mencegah daripada berlakunya jenayah seperti ini di masa akan datang. Sekiranya hukuman tersebut tidak dilaksanakan

seadilnya maka berlakulah kezaliman dan penganiayaan ke atas hak orang lain. Penjenayah pula tidak mendapat balasan sewajarnya.

Walaupun hukuman qisas ini telah ditetapkan oleh Allah SWT, ia boleh digugurkan jika keluarga si mangsa memaafkan pembunuh itu ataupun si mangsa sendiri memaafkan orang yang telah mencederakannya atas dasar kesihatan dan persaudaraan seagama. Dan apabila hukuman qisas ini digugurkan, mangsa berhak mendapat diat dengan nilai seperti yang telah ditetapkan oleh ulama feqah. Jika mangsa memaafkan tanpa sebarang tuntutan, itulah yang sebaik-baiknya. Mudah-mudahan dengan keikhlasan hatinya memaafkan orang lain akan dapat menebus dan menggugurkan dosa-dosanya yang lalu.

KESIMPULAN

Allah telah menetapkan hukuman yang setimpal terhadap penjenayah yang melakukan pembunuhan atau mencederakan anggota badan orang lain. Walau bagaimanapun sekiranya keluarga si mangsa memaafkan si pembunuh ataupun mangsa sendiri memaafkan perbuatan yang mencederakan anggota tubuhnya, maka yang terbaik bagi kedua belah pihak untuk saling bermaafan dan hidup aman tanpa fitnah dan dendam.



MENGHARAP PERTOLONGAN ALLAH SWT

Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ
فِي اللَّيْلِ وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿٦١﴾

Maksudnya: *“Pertolongan yang dijanjikan Allah tetap berlaku kerana Allah berkuasa menukar gantikan sesuatu keadaan sebagaimana kuasa-Nya memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti); dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mendengar Lagi Maha Melihat.”*

(al-Haj: 61)

HURAIAN

Sebagai hamba Allah, manusia bersifat lemah dan saling memerlukan antara satu sama lain. Kerana sifat itu jugalah, mereka sering dianiaya dan hak mereka dicabuli. Telah menjadi lumrah kehidupan juga siapa yang kuat dan berkuasa akan disanjung dan dihormati. Sementara mereka yang lemah pula akan ditindas dan dizalimi. Oleh yang demikian mereka hendaklah bersabar di atas dugaan yang menimpa mereka dengan mengharapkan pertolongan Allah SWT.

Berdoa dan bertawakallah kepada Allah sepenuh hati kerana Allah berkuasa atas segalanya sebagaimana berkuatannya Allah menguasai peraturan alam buana ini. Diciptakan-Nya malam dan siang silih berganti. Begitu juga pertukaran musim-musim sama ada musim panas, sejuk, luruh dan sebagainya. Kekuasaan-Nya sungguh mengagumkan dengan tidak pernah mungkir atau

terlewat. Janji Allah itu pasti berlaku. Mereka yang beramal soleh dan menuruti suruhan-Nya akan mendapat balasan syurga. Sebaliknya mereka yang ingkar dengan melanggar perintah-Nya akan dimasukkan ke neraka.

KESIMPULAN

Kita hendaklah sentiasa mengharapkan pertolongan dan keredhaan daripada Allah SWT, bukan memohon pertolongan kuasa-kuasa lain kerana dibimbangi akan menjadikan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang mensyirikkan Allah. Sesungguhnya Allah itu amat berkuasa terhadap sesuatu dan akan menolong hamba-hamba-Nya yang mengharapkan pertolongan daripada-Nya. Oleh itu, sentiasalah kita berdoa dan bertawakal kepada-Nya.

MENYERAHKAN AMANAH KEPADA YANG BERHAK

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar lagi sentiasa Melihat.*”

(an-Nisa': 58)

HURAIAN

Amanah merupakan suatu yang penting dalam kehidupan. Amanah yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang itu, wajib dipelihara sebaik-baiknya. Setiap orang mempunyai amanah yang perlu ditunaikan sama ada amanah kepada Tuhannya, dirinya, keluarganya, majikannya, masyarakatnya mahupun negaranya. Mereka yang tidak menjaga amanah dianggap sebagai seorang yang khianat. Bukan semua orang layak menerima sesuatu amanah. Pemilihan mereka yang berhak menerimanya hendaklah dibuat berasaskan kelayakan dan kebolehan dengan memiliki ciri-ciri amanah, kepakaran dan ketakwaan. Sekiranya sesuatu amanah

diserahkan kepada mereka yang tidak layak dan tidak mampu menanggungnya, maka akan berlaku kucar-kacir dalam masyarakat kerana khianat pula yang berleluasa di mana-mana. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:


“Apabila dipertanggungjawabkan sesuatu kepada yang bukan ahlinya, tunggu sajalah masa kehancurannya.”

(Riwayat Bukhari)

Pemimpin yang amanah pula akan bersikap adil terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas rakyatnya tanpa membezakan antara ahli keluarganya ataupun tidak. Dengan ini, masyarakat berasa puas hati hingga tidak timbul soal balas dendam dan persengketaan. Mereka dapat hidup dengan aman dan tenteram di bawah pimpinan pemimpin yang adil dan beramanah.

KESIMPULAN

Bukan semua orang dapat memikul amanah dan kepercayaan yang diserahkan kepada mereka. Hanya mereka yang betul-betul layak sahaja berhak menerima amanah itu. Mereka adalah daripada kalangan orang-orang yang berilmu dan tinggi ketakwaannya kepada Allah SWT. Mereka takut mengkhianati amanah yang dipertanggungjawabkan kerana tahu balasan yang bakal mereka terima sekiranya mereka mengkhianati amanah itu.



MERENDAH DIRI KEPADA RAKYAT

Firman Allah SWT:

وَأَخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman.”

(as-Syua'ara: 215)

HURAIAN

Seorang pemimpin yang hebat adalah pemimpin yang menjalankan tugas kepimpinannya berdasarkan nilai-nilai yang ditetapkan oleh syarak bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Seorang pemimpin dilarang berlaku zalim kepada rakyat bawahannya bahkan hendaklah sentiasa merendah diri dan melayan mereka dengan baik dan berlemah lembut. Pemimpin yang zalim dan mengamalkan sikap kuku besi hanya akan menambah kebencian di kalangan rakyat jelata.

Apabila pemimpin merendah diri, mereka pasti dapat menawan hati para pengikut dan orang bawahannya. Dengan ini, tugas menyeru mereka ke arah kebaikan dan usaha-usaha bagi mengukuhkan keimanan menjadi semakin mudah.

Bagi orang-orang bukan Islam pula, mereka mudah tertarik dengan ciri kepimpinan yang ditonjolkan itu dan akhirnya mudah untuk patuh kepada arahan pemimpin mereka. Dengan ini tali persaudaraan dan hubungan kemasyarakatan semakin kukuh. Seterusnya mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur.

KESIMPULAN

Sifat merendah diri adalah amalan mulia dan patut diamalkan walaupun oleh mereka yang bergelar pemimpin. Pemimpin yang baik hendaklah sentiasa merendah diri kepada rakyat bawahannya bukan bersikap sombong dan mementingkan diri sendiri. Dengan ini mereka akan disegani oleh rakyat kerana tertarik dengan penampilan pemimpin seperti ini.

MESYUARAT DAPAT MENGHASILKAN KEPUTUSAN YANG TEPAT

Firman Allah SWT:

فَجُمِعَ السَّحَرَةُ لِمِيقَاتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ

Maksudnya: *“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.”*

(as-Syura: 38)

HURAIAN

Islam telah menentukan prinsip as-Syura (mesyuarat) supaya umat Islam dapat membentuk organisasi atau badan khas yang bertanggung jawab mengurus kebajikan ummah. Setiap permasalahan yang timbul dibawa berbincang sama ada dari sudut sosial, ekonomi dan sebagainya. Mereka dilarang mengamalkan pemerintahan kuku besi bagi menegakkan keadilan, kebebasan dan persaudaraan sesama masyarakat.

Selalunya apabila sesuatu organisasi itu menjalankan mesyuarat terlebih dahulu, keputusan yang dihasilkan menjadi lebih baik dan tepat berbanding keputusan secara individu. Dalam mesyuarat mereka dapat berbincang dan bertukar-tukar fikiran daripada seseorang yang mahir dalam bidang tertentu.

Bukanlah dasar syura ini terhad kepada organisasi besar sahaja, bahkan organisasi kecil seperti keluarga juga boleh mengamalkan

dasar ini. Ahli mesyuarat pula hendaklah dari kalangan mereka ahli ar-ra'yu wal hikmah iaitu orang yang bijak dan berpengetahuan. Juga mereka yang mengamalkan suruhan Allah bukan mereka yang jahil lagi menyesatkan. Rasulullah sendiri telah menjalankan dasar syura ini sewaktu terdirinya kerajaan Islam di kota Madinah. Ia juga diamalkan semasa pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin yang kemudiannya menjadi ikutan kepada seluruh umat Islam.

KESIMPULAN

Islam mengatur hidup umatnya dengan sempurna dan tersusun. Sistem syura yang diperkenalkan menjadi asas kepada sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita. Cuma, cara perlaksanaannya berbeza-beza mengikut keadaan masyarakat bersesuaian dengan kemaslahatan mereka. Melalui dasar ini, umat Islam dapat bertukar-tukar fikiran dalam menghasilkan keputusan yang tepat, jitu dan mantap seterusnya membawa kepada kecemerlangan ummah seluruhnya.

MUKMIN SEJATI

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”

(Ali-Imran: 102)

HURAIAN

Allah SWT mengingatkan kepada orang-orang yang beriman agar sentiasa bertakwa kepadanya dengan sebenar-benar takwa, kerana sesungguhnya bagi orang-orang yang beriman hendaklah sentiasa dekat dirinya dengan Allah SWT. Takwa dengan sebenar-benarnya akan memelihara diri dan tujuan hidup seseorang daripada sifat-sifat yang tidak baik.

Takwa itu sendiri membawa erti “pemeliharaan” iaitu melakukan sesuatu yang disuruh dan meninggalkan apa-apa yang dilarang. Dengan demikian seseorang tidak akan mudah terlibat atau cuba untuk mendekati diri dengan hal-hal yang boleh merosakkan keimanannya terhadap Allah SWT dalam pertuturan, perlakuan dan perbuatan.

Kematian adalah pasti bagi setiap yang bernyawa. Ini sudah pasti mengingatkan kepada manusia bahawa kematian akan berlaku tetapi tidak diketahui bilakah ia akan berlaku. Oleh itu sesiapa yang tidak mahu mati melainkan dalam keadaan sebagai seorang Muslim dan terus hidup sebagai seorang Muslim hendaklah sentiasa

menghiasi dirinya dengan nilai dan akhlak seorang Muslim yang bertunjangkan sifat takwa serta sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT berlandaskan sistem hidup yang telah diaturkan oleh Allah SWT.

KESIMPULAN

Allah SWT mengingatkan kepada semua orang yang beriman agar bertakwa kepada-Nya dalam erti takwa yang sebenar-benarnya. Perkataan Islam disebut selepas takwa dalam ayat ini untuk membayangkan bahawa Islam itu mempunyai pengertian yang sangat luas iaitu penyerahan diri kepada Allah SWT, ketaatan dan kepatuhan mengikut sistem hidup yang telah diatur oleh Allah SWT.

RAHMAT ALLAH UNTUK HAMBANYA YANG MENJAUHI PERKARA SIA-SIA

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ وَإِذَا مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا ۗ

Maksudnya: “*Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya.*”

(al-Furqan: 72)

HURAIAN

Al-Quran menghuraikan sifat-sifat manusia yang dirahmati dan disayangi oleh Allah SWT. Antaranya:-

- a) Orang yang tidak memberi kesaksian yang palsu. Manusia yang baik ialah apabila dia diminta untuk menjadi saksi untuk sesuatu perkara, dia akan bersikap jujur. Dia tidak akan dapat dibeli dengan wang untuk memberi saksi palsu dan bohong kerana dia tahu kesan daripada sumpah palsu boleh membawa kepada kemusnahan kehidupan manusia lain.
- b) Manusia yang menjauhi perkara yang sia-sia. Manusia yang baik dan dirahmati Allah akan sentiasa mengintai peluang untuk berbakti kepada Allah dan cuba sedaya upaya untuk menghindarkan diri dari terlibat dengan perkara yang sia-sia dan mengotorkan seperti melihat dan mendengar perkara-perkara haram seperti mengumpat, bercakap bohong dan seumpamanya.

KESIMPULAN

Kejarlah rahmat Allah SWT dengan menjadi manusia yang bermanfaat sama ada kepada diri sendiri atau orang lain dengan cara mengisi waktu dengan perkara-perkara yang berfaedah seperti menghadiri majlis-majlis ilmu, menyampaikan ilmu dan menjauhi perkara-perkara yang sia-sia dan membuang masa tanpa faedah.

SEMAIKAN SIFAT TAKWA DALAM DIRI

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ يَجْعَل لَّكُمْ فُرْقَانًا
وَيُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرَ لَكُمْ وَاللَّهُ
ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar.”

(al-Anfal: 29)

HURAIAN

Allah SWT memberi jaminan kepada orang-orang yang beriman bahawa sekiranya mereka bertakwa iaitu takut kepada Allah SWT dengan mentaati perintah-Nya dan meninggalkan perbuatan maksiat, maka Allah akan mengurniakan kepada mereka ilmu dan kelebihan yang dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah. Dengan ilmu dan kelebihan tersebut mereka akan dapat membezakan perkara yang bermanfaat dan perkara yang mendatangkan mudharat kepada mereka.

Orang yang taat, patuh dan takut kepada Allah SWT akan diampunkan kesalahan mereka yang telah lalu. Kesalahannya juga akan ditutup daripada penglihatan manusia baik di dunia mahupun

di akhirat kelak. Ini merupakan janji Allah SWT kepada orang-orang yang bertakwa iaitu Allah SWT akan memberikan pahala yang besar tanpa mengharap sebarang balasan.

KESIMPULAN

Tiga balasan yang akan diterima oleh orang yang bertakwa ialah, pertama, mereka diberi petunjuk dalam membezakan antara yang hak dengan yang batil; kedua, Allah SWT akan memberi perlindungan kepada mereka daripada melakukan dosa sama ada dosa kecil atau dosa besar di dunia ini; dan ketiga, mendapat pengampunan dosa-dosa di akhirat kelak.

SEMANGAT PEJUANG

Firman Allah SWT:

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang yang (sungguh-sungguh) beriman.”*

(Ali-Imran: 139)

HURAIAN

Ayat tersebut merupakan kisah dari rentetan peristiwa perang Uhud. Ayat tersebut adalah pembakar semangat bagi umat Islam yang lemah jiwanya. Allah SWT memberi rangsangan supaya umat Islam tidak mudah putus asa dan mudah kecewa dengan kegagalan, sedangkan masih banyak ruang dan peluang untuk melakukan usaha yang terbaik mencapai kegemilangan dalam hidup ini.

Nabi dan para sahabat telah terlebih dahulu merasai susah payah membina kegemilangan ummah. Umat Islam sewajarnya bangga dengan keimanan dan ketakwaan mereka, kerana sesungguhnya Allah SWT akan mengangkat kemuliaan mereka sekiranya mereka beriman dengan sebenarnya.

Ayat ini membakar semangat agar tidak mudah tunduk kepada cabaran, kerana cabaran dan halangan adalah ujian ke atas keimanan dan kesabaran mereka. Sekalipun Nabi dan para sahabat tewas dalam peperangan Uhud namun mereka tidak putus asa bahkan semakin tinggi nilai keimanan mereka. Kegagalan kali pertama bukan ertinya gagal seterusnya, bahkan kegagalan itu mampu melonjak ke arah kejayaan yang lebih cemerlang.

KESIMPULAN

Islam adalah '*addin*' atau '*the way of life*' yang mesti dipraktikkan oleh setiap Muslim yang benar-benar beriman. Umat Islam tidak harus merasa rendah diri, tetapi sebaliknya berbangga dengan mengamalkan ciri-ciri ajaran Islam yang mulia itu. Setiap cabaran yang datang adalah dugaan untuk menguji kesabaran.

TAKDIR ALLAH HARUS DISYUKURI

Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِن دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ
حَدَرًا مَوْتٍ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ
لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ
لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau ketahui (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang keluar (melarikan diri) dari kampung halamannya kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka: “Matilah kamu”, kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpahkan limpah kurnia-Nya kepada manusia (seluruhnya) tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.*”
(al-Baqarah: 243)

HURAIAN

Dalam al-Quran terdapat ayat yang berbentuk pertanyaan bertujuan untuk menguatkan sesuatu kebenaran. Pertanyaan ini sebenarnya secara tidak langsung menyeru umat manusia supaya berfikir. Ayat ini mengesahkan satu kaum terdahulu yang tidak disebut nama mereka dalam al-Quran tetapi telah dikisahkan secara ringkas. Mereka telah berusaha menghindari maut, mereka juga berusaha mengembalikan hayat tetapi semua ini tidak memberi faedah kepada mereka. Sesungguhnya Allah SWT Maha Berkuasa dan tidak siapa yang mampu mengatasi takdir yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Sekiranya manusia memerhatikan dan memikirkan kejadian-kejadian-Nya sudah pasti akan merasakan nikmat kurniaan Allah SWT yang cukup besar. Manusia tidak akan mampu bergerak apalagi berjalan andainya tidak ada kurniaan-Nya. Namun begitu manusia sering lupa untuk bersyukur dengan nikmat yang dianugerahkan oleh Allah SWT.

KESIMPULAN

Mukmin sejati merupakan golongan yang sentiasa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan kepadanya. Tidak ada kuasa lain yang mampu melawan takdir Allah. Sebagai umat manusia kita hendaklah sentiasa bersyukur dengan mengingati Allah SWT.

TAQARRUB KEPADA ALLAH FAKTOR UTAMA KEJAYAAN

Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ قَوْلُهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي
أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٤٧﴾

Maksudnya: *“Dan tidaklah ada yang mereka ucapkan (semasa berjuang) selain daripada berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau-lampau dalam urusan kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami (dalam perjuangan); dan tolonglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.”*

(Ali-Imran: 147)

HURAIAN

Faktor utama kejayaan dalam sesuatu pekerjaan khususnya perjuangan pada jalan Allah SWT ialah hubungan yang kuat lagi erat dengan Allah SWT (*taqarrub*). Sikap terlalu bergantung kepada persediaan fizikal dan mental dengan mengabaikan hubungan rohani dan ketergantungan kepada Allah SWT akan hanya membawa kepada kegagalan, kekalahan dan kekecewaan. Justeru aspek doa dan tawakkal perlu dimasukkan dan dirangkumkan dalam erti kata persediaan dan usaha yang sebenar.

Selain berdoa kepada Allah agar membantu bagi menjayakan sesuatu perancangan atau pekerjaan, kita juga diingatkan supaya bertaubat dan memohon ampun daripada Allah atas segala dosa dan kesalahan yang pernah kita lakukan. Ini penting agar dosa atau maksiat kita yang lalu tidak menjadi hijab untuk

diperkenankan doa kita, kita juga disarankan oleh Islam untuk berdoa agar ditetapkan pendirian dan keimanan di sepanjang tempoh pekerjaan atau perjuangan.

Ini memandangkan pelbagai halangan, cabaran dan ujian yang bakal diterima boleh menggugat dan menjejaskan tahap kesabaran dan pendirian. Oleh itu ketergantungan manusia kepada Allah SWT tidak boleh putus atau berbentuk separuh jalan. Yang penting manusia perlu sedar bahawa mereka mesti bergantung hanya kepada Allah SWT pada setiap masa dan keadaan.

KESIMPULAN

Taqarrub kepada Allah adalah faktor utama kejayaan sesuatu pekerjaan atau perjuangan. Dosa boleh menjadi hijab untuk mencapai kejayaan. Kita tidak boleh mengabaikan aspek doa dan tawakkal dalam setiap pekerjaan, perancangan dan perjuangan.

TIPU DAYA SYAITAN MEMBAWA KEBINASAAN

Firman Allah SWT:

يَعِدُّهُمْ وَيُمْتِيهِمْ وَمَا يَعِدُّهُمْ الشَّيْطَانُ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢٠﴾

Maksudnya: “Syaitan sentiasa menjanjikan mereka (dengan janji-janji indah) serta memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong; dan apa yang dijanjikan oleh syaitan itu tidak lain hanyalah tipu daya semata-mata.”

(an-Nisa’: 120)

HURAIAN

Syaitan adalah musuh bagi umat manusia khususnya orang yang beriman, ini kerana ia sentiasa menyeru dan memperdayakan manusia supaya syirik kepada Allah dan melakukan segala macam maksiat dan kejahatan. Justeru kita sentiasa diingatkan supaya berhati-hati dan peka dengan kelicikan tipu dayanya. Salah satu sifatnya yang diterangkan di dalam ayat ini; ialah mempengaruhi manusia melakukan kesyirikan dan kejahatan dengan meyakinkan mereka bahawa natijah yang bakal diperoleh ialah kebahagiaan, keseronokan kemewahan dan sanjungan. Namun hakikatnya keyakinan sedemikian adalah dusta, sebaliknya manusia ditimpa kebinasaan, kecelakaan, pembunuhan, kegelisahan, kebencian dan kemurkaan Allah SWT.

Tiada sebarang kebaikan apabila meninggalkan ajaran Islam dan menurut hawa nafsu. Manusia hanya akan mencapai kejayaan, kebahagiaan, kedamaian dan kecemerlangan dengan melaksanakan segala tuntutan agama dan menjauhi pujukan hawa nafsu dan syaitan. Setiap dosa dan maksiat yang manusia lakukan adalah

satu kejayaan bagi syaitan yang sentiasa berusaha menyesatkan manusia dan menjerumuskan mereka ke lembah kebinasaan.

Oleh itu wajarlah kita berwaspada dan memperbetul niat agar setiap gerak-geri dan tutur kata kita bebas daripada hasutan dan tipu daya syaitan. Mengikhlaskan diri dengan melakukan segala sesuatu semata-mata kerana Allah pasti dapat menyelamatkan diri kita daripada terpedaya dengan tipu daya halus syaitan, seterusnya menjanjikan kebaikan di dunia dan di akhirat.

KESIMPULAN

Manusia perlu sentiasa berhati-hati dengan hasutan dan pujukan syaitan, kerana ia menjurus kepada kesesatan dan kebinasaan. Melaksanakan segala tuntutan agama dengan niat yang ikhlas kerana Allah adalah satu-satunya senjata yang paling ampuh dalam menangkis tipu daya syaitan.

USAH MENAMBAH DOSA SEDIA ADA

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَكْسِبْ خَطِيئَةً أَوْ إِثْمًا ثُمَّ يَرْمِ بِهِ بَرِيئًا
فَقَدْ أَحْتَمَلَ بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿١١٢﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu kesalahan atau sesuatu dosa, kemudian ia menuduhkannya kepada orang yang tidak bersalah maka sesungguhnya ia telah memikul kesalahan berbuat dusta, dan melakukan dosa yang amat nyata.”

(an-Nisa’: 112)

HURAIAN

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan perangai buruk sesetengah manusia yang telah melakukan maksiat dan kesalahan sama ada kecil atau besar, tetapi kemudiannya menuduh orang lain yang tidak bersalah melakukannya. Orang sebegini pada hakikatnya telah melakukan dua dosa iaitu dosa maksiat itu sendiri dan dosa berdusta atau tuduhan berbohong dan memfitnah. Matlamat orang yang melakukan ini sama ada untuk melepaskan diri daripada hukuman dunia sebagaimana yang ditetapkan oleh syariat ataupun sengaja untuk menganiaya orang lain, kerana cemburu, iri hati dan dengki.

Orang yang melakukan perkara sebegini pastinya menanggung dosa berganda atas apa yang dilakukannya, dan akan dihukum dengan azab yang pedih oleh Allah SWT di akhirat kelak. Selain itu kehidupannya di dunia juga tidak akan selamat dan tenteram lantaran dihantui rasa bersalah, sentiasa bimbang rahsianya

terbongkar, kegelisahan yang berpanjangan dan hilang keberkatan terhadap rezeki dan harta benda.

Islam telah mengajar kita bahawa Allah SWT itu bersifat Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Justeru bagi seseorang Islam sekiranya terlanjur melakukan dosa atau maksiat maka bersegeralah bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT. Dengan taubat yang bersungguh-sungguh (taubat nasuha) pastinya Allah akan mengampunkan dosa, dan jangan sekali-kali mengulangi lagi maksiat dengan menuduh orang lain melakukan dosa tersebut. Sesungguhnya Allah SWT penerima taubat dan suka pada hamba-hamba-Nya yang sentiasa bertaubat.

KESIMPULAN

Islam melarang umatnya menuduh orang yang tidak bersalah melakukan dosa atau maksiat, tuduhan ini amat berat ditanggung oleh orang yang menerima tuduhan tersebut, bagi orang yang menuduh melakukan maksiat sebegini akan menanggung dosa yang besar kerana memfitnah orang lain. Sebelum terlambat hendaklah bertaubat, bagi setiap dosa atau maksiat yang terlanjur dilakukan maka bersegeralah bertaubat kepada Allah dengan taubat nasuha kerana Allah SWT itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

BANI ISRAEL UMAT TERPILIH?

Firman Allah SWT:

يٰۤاِبْنَـِٔ اِسْرٰٓءِٓلَ اذْكُرْ وَاَنْعَمْتَ الَّتِيْ اَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَاِنِّيْ فَضَّلْتُكُمْ
عَلَى الْعٰلَمِيْنَ ﴿٤٧﴾

Maksudnya: “Wahai Bani Israel! Kenangkanlah nikmat-nikmatKu yang Aku telah kurniakan kepada kamu, dan (ingatlah) bahawasanya Aku telah melebihkan (nenek moyang) kamu (yang taat dahulu) atas orang (yang ada pada zamannya).”

(al-Baqarah: 47)

HURAIAN

Bani Israel memang mempunyai kelebihan atau disebut terpilih tetapi sebenarnya yang terpilih itu hanya tauhid pada zamannya sahaja dan mereka yang beriman kepada Allah SWT.

Banyak ayat-ayat al-Quran menyatakan tentang kelebihan dan nikmat-nikmatnya yang telah diberikan kepada Bani Israel, akan tetapi setelah mereka menderhakai Allah, membunuh para nabi, kufur nikmat Allah, mengabaikan perjanjian Allah dan

meninggalkan tanggungjawab, maka Allah mengisyharkan hukuman ke atas kesalahan-kesalahan mereka itu dengan hukuman laknat, kemurkaan, kehinaan, kemiskinan dan janji azab di akhirat kelak.

Dalam al-Quran sering diingatkan kepada Bani Israel tentang nikmat-nikmat yang telah diberikan kepada mereka, tujuannya adalah agar mereka sedar dan insaf serta bersyukur atas nikmat itu seterusnya dapat berdakwah di jalan Allah dan bukan bersikap sombong lagi ingkar dan mengundang murka dan azab Allah SWT.

KESIMPULAN

Bani Israel merupakan kaum yang terpilih dan dimuliakan oleh Allah pada zaman mereka. Daripada golongan mereka lahir ramai para nabi dan rasul. Akan tetapi lahir juga di kalangan mereka yang ingkar dan kufur terhadap nikmat yang telah dikurniakan Allah maka azab Allah tetap ditimpakan sebagai pengajaran dan hukuman.

BERPEGANG PADA TRADISI

Firman Allah SWT:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا آَلْفَيْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا أَوْ لَوْ كَانَ آبَاءُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٧٠﴾

Maksudnya: “Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah, mereka menjawab: “(Tidak), bahkan kami (hanya) menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya. Patutkah (mereka menurutnya) sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu (apa pun tentang perkara-perkara agama), dan tidak pula mendapat petunjuk hidayah (dari Allah)?”

(al-Baqarah: 170)

HURAIAN

“Tidak, kami hanya mengikuti ajaran-ajaran yang kami dapati diikuti oleh datuk nenek kami.” Perkataan atau jawapan inilah yang selalu diulang oleh kaum Musyrikin dan Yahudi setiap kali diseru menganut agama Islam dan menerima undang-undang, peraturan-peraturan dan lambang-lambang ibadat Islam serta meninggalkan adat-adat kebiasaan mereka di zaman Jahiliah iaitu amalan-amalan yang diterima daripada datuk nenek mereka.

Perbuatan taklid buta terhadap agama nenek moyang mereka dikecam oleh Allah sehingga pada ayat seterusnya dalam surah al-Baqarah digambarkan taklid buta dan kejumudan pemikiran mereka adalah umpama binatang ternakan yang tidak faham suatu

apa pun yang dikatakan kepadanya walau pun tuannya menjerit kepadanya dia hanya mendengar bunyi suara tuannya sahaja tanpa memahami apa yang dikatakan. Malah mereka lebih sesat daripada binatang, kerana binatang melihat, mendengar dan mempunyai suara, sedangkan mereka pekak, bisu dan buta.

KESIMPULAN

Sikap degil kaum Musyrikin Yahudi yang enggan menerima agama Allah sering diceritakan dalam al-Quran. Taklid buta mereka kepada kepercayaan dan amalan nenek moyang mereka menghalang daripada mendapat hidayah Allah. Walaupun mereka mempunyai fikiran tetapi mereka tidak menggunakannya. Mereka tergolong dalam golongan orang yang rugi sama ada di dunia mahupun di akhirat.

IKTIBAR PERISTIWA PEMBUNUHAN HABIL

Firman Allah SWT:

فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ كَيْفَ يُورِي
سَوْءَةَ أَخِيهِ قَالَ يُنَوِّسْتَنِي لَأَعْجِزْتُ أَنْ أَكُونَ مِثْلَ هَذَا
الْغُرَابِ فَأُورِي سَوْءَةَ أَخِي فَأَصْبَحَ مِنَ النَّادِمِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Kemudian Allah menghantar seekor burung gagak (menyuruhnya) mengorek-ngorek tanah untuk menunjukkan kepada (Qabil) bagaimana cara hendak menimbus mayat saudaranya. Dia berkata: Wahai malangnya aku! Apakah aku begini lemah berbuat seperti gagak ini untuk menimbus mayat saudaraku? Maka jadilah dia orang-orang yang menyesal.”

(al-Maidah: 31)

HURAIAN

Qabil yang menyesal di atas tindakan membunuh Habil, runsing dan gelisah, resah mencari-cari jalan bagaimana untuk menyelesaikan masalah mayat saudaranya Habil yang dibunuh olehnya.

Dalam keadaan sedemikian Allah SWT menghantar seekor gagak yang dijadikan contoh untuk Qabil menyelesaikan mayat Habil seperti yang dinyatakan dalam ayat ini. Allah SWT mendatangkan misal atau contoh seperti yang dilakukan oleh seekor gagak ini mungkin kerana perlakuan pembunuhan yang terjadi adalah peristiwa pertama dalam sejarah manusia.

Perbuatan gagak menanam mayat saudaranya itu mungkin sebagai contoh yang diberikan oleh Allah SWT kepada Qabil untuk

menanam mayat saudaranya Habil angkara perbuatannya yang durjana itu. Perbuatan yang dilakukan oleh gagak itu menyebabkan Qabil mencemuhkan dirinya sendiri akan kelemahan dirinya dan seterusnya mencontohi perlakuan gagak untuk menanam mayat saudaranya yang telah meninggal itu.

KESIMPULAN

Misalan yang diberikan oleh Allah SWT berupa seekor gagak yang mengorek-ngorek tanah dijadikan contoh untuk Qabil mengembuskan mayat saudaranya yang dibunuh itu. Perbuatan jahat yang dilakukan sama ada kecil atau besar pasti akan memberi kesan psikologi kepada seseorang. Riak wajahnya, gaya pertuturannya, percakapannya, perbuatannya pasti nampak bagi mereka yang melakukan dosa.

PENGAJARAN DARIPADA PERISTIWA UMAT TERDAHULU

Firman Allah SWT:

فَلَوْلَا إِذْ جَاءَهُمْ بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا وَلَٰكِنْ قَسَتْ قُلُوبُهُمْ
وَزَيَّنَّ لَهُمُ الشَّيْطَانُ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *“Maka alangkah eloknya kalau mereka berdoa kepada Kami dengan merendah diri (serta insaf dan bertaubat) ketika mereka ditimpa azab Kami? Tetapi yang sebenarnya hati mereka keras (tidak mahu menerima kebenaran), dan syaitan pula memperelokkan pada (pandangan) mereka apa yang mereka telah lakukan.”*

(al-An’am: 43)

HURAIAN

Ayat ini menggambarkan contoh azab Allah SWT daripada realiti ke atas kaum yang zalim yang mendustakan para rasul yang mendatangi mereka. Mereka ditimpakan dengan azab dan bala bencana supaya mereka insaf dan sedar. Namun demikian peluang demi peluang dan peringatan demi peringatan, kesusahan dan penderitaan tetap tidak dapat membawa mereka bertawajjuh kepada Allah, manakala nikmat kesenangan pula tidak mendorong mereka kepada melahirkan kesyukuran terhadap Allah SWT.

Kedadaan ini menunjukkan bahawa fitrah mereka telah mengalami kerosakan yang amat teruk yang tidak ada harapan lagi untuk diperbaiki. Kehidupan mereka juga sebenarnya telah rosak dan tidak ada harapan lagi untuk dipulih dan diselamatkan.

Hal ini berlaku kerana sesungguhnya mata hati manusia telah ditutup daripada menerima sebarang cahaya disebabkan sikap

takbur mereka sendiri. Syaitan juga telah mengambil peranan berusaha keras bagi memperlihatkan kesesatan dan kedegilan mereka sebagai langkah-langkah yang baik.

KESIMPULAN

Umat Islam hendaklah mengambil pengajaran bahawa manusia yang enggan tunduk dan bertaubat kepada Allah apabila ditimpa bala bencana dan dugaan hidup sebenarnya telah tertutup pintu hati mereka. Hal ini kerana syaitan telah mengaburi pandangan mereka dengan menghiaskan perlakuan mereka yang angkuh dan takbur terhadap Allah itu sebagai suatu langkah yang baik dan elok.

PERJANJIAN BANI ISRAEL

Firman Allah SWT:

يٰۤاِسْرٰٓءِيْلَ اذْكُرْ اَنْعَمْتِۤىۤ اِلَيَّ اَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَاَوْفُوْا بِعَهْدِيۡ
اَوْفِ بِعَهْدِكُمْ وَاِيْتِيۡ فَاَرْهَبُوْنَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: “Wahai Bani Israel! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang telah Kuberikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) denganku, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu dengan kamu, dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut (bukan kepada sesuatu yang lain).”

(al-Baqarah: 40)

HURAIAN

Ayat ini dimulai dengan seruan Allah kepada Bani Israel. Mengingatkan mereka tentang nikmat-nikmat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Allah mengajak Bani Israel menunaikan perjanjian mereka dengan Allah agar Allah menunaikan janji dengan mereka. Seterusnya Allah menyeru mereka supaya takut dan bertakwa kepada-Nya. Perkara ini merupakan permulaan ke arah menyeru kepada agama Tauhid, beriman dengan al-Quran dan membenarkan kitab Taurat yang dianugerahkan kepada mereka. Al-Quran menceritakan tentang kecaman terhadap sikap mereka yang menentang al-Quran dan perbuatan mereka yang mencampurkan perkara yang benar dan batil serta menyembunyikan kebenaran untuk mengelirukan orang ramai terutama kaum Muslim untuk menimbulkan huru hara dan seterusnya menggoncangkan pegangan golongan yang baru menganut agama Islam.

KESIMPULAN

Bani Israel yang dimuliakan Allah adalah daripada golongan mereka yang tetap berpegang teguh dengan tauhid kepada Allah dan sentiasa patuh, tunduk kepada Allah dan bukanlah yang telah memungkiri janji serta menyebabkan huru-hara di dunia seperti yang berlaku ketika ini. Kisah Bani Israel paling banyak diceritakan dalam al-Quran. Pengajaran yang dapat dilihat adalah betapa besarnya nikmat Allah untuk memberi hidayah kepada hamba-Nya, mendidik dan melengkapkan mereka untuk memikul tugas sebagai khalifah di muka bumi ini.

PERMUSUHAN KAUM YAHUDI TERHADAP UMAT ISLAM

Firman Allah SWT:

أَمْ يَحْسُدُونَ النَّاسَ عَلَىٰ مَاءِ آتَاهُمُ اللَّهُ مِن فَضْلِهِ ۗ فَقَدْ آتَيْنَا
آلَ إِبْرَاهِيمَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَآتَيْنَاهُمْ مُلْكًا عَظِيمًا ﴿١٣١﴾

Maksudnya: “Atau, patutkah mereka dengki kepada manusia (Nabi Muhammad dan umatnya) disebabkan nikmat (pangkat Nabi dan agama Islam) yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka dari limpah kurnia-Nya? Kerana sesungguhnya, Kami telah pun memberi kepada keluarga Ibrahim: Kitab (agama) dan hikmat (pangkat nabi), dan Kami telah memberi kepada mereka kerajaan yang besar.”

(an-Nisa’: 54)

HURAIAN

Sudah menjadi tabiat kaum Yahudi sejak dahulu lagi begitu dengki kepada Rasulullah SAW dan umat Islam. Mereka dengki kepada Nabi Muhammad SAW kerana baginda yang berketurunan Arab telah dilantik menjadi Rasulullah. Mereka juga dengki kepada para sahabat Nabi Muhammad SAW kerana para sahabat berkenaan beriman kepadanya dan mereka benci pula kepada orang-orang Islam kerana Allah SWT telah memuliakan mereka (orang-orang Islam).

Padahal, Allah SWT memberikan perkara yang sama kepada keturunan Nabi Ibrahim AS seperti yang Allah Taala berikan kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman. Justeru, mereka tidak pula mempersoalkannya kerana Nabi Daud dan Nabi Sulaiman adalah daripada bangsa atau keturunan Bani Israel.

Oleh itu, kita dapati hingga kini kaum Yahudi terus menerus memusuhi umat Islam apalagi mereka sememangnya mempunyai kerajaan dan pengaruh besar yang menentukan perjalanan politik dunia. Sebagai orang Islam, kita semestinya memahami akan hakikat ini supaya kita sentiasa berwaspada terhadap kaum Yahudi dan konco-konconya di samping mengambil langkah-langkah perlu bagi menangkis usaha-usaha jahat mereka yang tidak pernah berhenti itu.

KESIMPULAN

Umat Islam kini perlu sedar akan sikap permusuhan golongan Yahudi terhadap Islam dan umatnya. Jadi, umat Islam mesti mengukuhkan kesatuan mereka berpandukan ajaran al-Quran yang kudus sebagai benteng pertahanan paling kental menghadapi dakyah kaum Yahudi yang licik dan sukar dikesan.